Kemas kini terakhir pada 31 Januari 2026

TERMA DAN SYARAT AM AKAUN (ENGLISH VERSION)

- DEPOSIT
- DEPOSIT PERBANKAN ISLAM

BAHAGIAN A – AM [Diguna pakai untuk semua Akaun melainkan dinyatakan sebaliknya bagi jenis-jenis akaun tertentu cth. Akaun Perbankan Islam]

1. Takrifan & Tafsiran

1.1. Takrifan

Dalam Terma dan Syarat ini, istilah dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai pengertian yang ditetapkan untuknya melainkan konteks menghendaki sebaliknya:

"**Polisi ABC**" bermakna Polisi Antirasuah dan Korupsi HLBG yang boleh dibaca di laman sesawang HLB/HLISB masing-masingnya di www.hlb.com.my dan www.hlisb.com.my.

"**ABM**" bermakna Persatuan Bank-bank di Malaysia.

"**Akaun**" bermakna akaun atau akaun-akaun Pelanggan dengan HLB / HLISB dan hendaklah termasuk mana-mana akaun baharu yang dibuka dari semasa ke semasa.

"**AIBIM**" bermaka Persatuan Institusi-institusi Perbankan Islam Malaysia.

"**Undang-undang Anti Rasuah**" bermakna Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 seperti dipinda dari semasa ke semasa, dan aturan dan peraturan yang diterbitkan di bawahnya, dan mana-mana undang-undang, statut, peraturan, aturan dan perintah yang berkaitan dengan rasuah atau korupsi.

"**Orang Dibenarkan**" bermakna mana-mana orang yang diberi kebenaran oleh Pelanggan secara bertulis kepada Bank untuk mengendalikan Akaun.

"**BLR"** bermakna kadar faedah setahun yang disebut oleh HLB sebagai Kadar Pinjaman Asasnya dan yang tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal.

"**BR**" bermakna kadar faedah setahun yang disebut oleh HLB sebagai Kadar Asasnya dan yang tertakluk pada perubahan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal.

"**BNM**" bermakna Bank Negara Malaysia.

"**Hari Perniagaan**" bermakna hari apabila HLB/HLISB dibuka untuk perniagaan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (tidak termasuk hari kelepasan bank, negeri dan hari kelepasan am), mengikut mana yang berkenaan, dan hari apabila transaksi yang dicadang bagi Akaun boleh dijalankan.

"**Cek**" termasuk bil pertukaran.

"**Kontrak**" bermakna kontrak Syariah yang digunapakai oleh HLISB bagi akaun Islamik di bawah Hong Leong Islamic Bank.

"**Pelanggan**" bermakna pelanggan HLB / HLISB dan hendaklah termasuk individu, perkongsian, milikan tunggal, perkongsian liabiliti terhad, syarikat, pertubuhan, persatuan, organisasi dan badan berkanun dan jika berkenaan wakil-wakil peribadi dan pengganti hak miliki melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini atau oleh HLB/HLISB dari semasa ke semasa.

"**E-mel Ditetapkan**" bermakna alamat e-mel elektronik yang terakhir diketahui menurut rekod HLB/HLISB dan/atau seperti diarah atau ditetapkan oleh Pelanggan bagi tujuan Kemudahan e-Penyata.

"**Kadar Ingkar**" bermakna kadar 1% setahun di atas Kadar Ditetapkan atau apa-apa kadar lain yang ditentukan oleh HLB atas budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal.

"**Kemudahan e-Penyata**" bermakna perkhidmatan yang HLB/HLISB akan, atas permintaan Pelanggan, menghantar dan/atau menyediakan Penyata Akaun Pelanggan dan/atau transaksi lain, rekod, makluman dan dokumen ("**Dokumen**") dan/atau invois cukai kepada Pelanggan melalui salah satu atau kesemua cara berikut:

(a) penghantaran kepada E-mel Ditetapkan;
(b) menyediakan semua Dokumen tersebut di HLB Connect; dan/atau
(c) apa-apa perantaraan elektronik lain yang ditetapkan oleh HLB/HLISB dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal kepada Pelanggan.

"**Kadar Lebihan**" bermakna kadar 7.5% setahun di atas SBR berdasarkan baki harian atau apa-apa kadar lain yang ditentukan oleh HLB menurut budi bicara mutlaknya pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal.

"**Pengesahan Cap Jari**" bermakna pengesahan cap jari dengan data yang disimpan dalam cip MyKad/MyPR melalui Pembaca MyKad atau apa-apa peranti lain yang digunakan oleh HLB/HLISB.

"**Deposit Tetap**" bermakna apa-apa deposit bertempoh yang diletak oleh Pelanggan dengan HLB dan termasuk apa-apa jumlah wang yang dari semasa ke semasa didepositkan dengan HLB di mana-mana cawangan dan sama ada dalam mata wang yang sama atau apa-apa mata wang lain dan sama ada sebagai tambahan kepada atau sebagai pembaharuan kepada apa-apa jumlah wang yang dahulunya didepositkan atau sebaliknya dan termasuk segala faedah atau bayaran lain yang telah terakru atau masih terakru dan biar apa pun puncanya dari semasa ke semasa berkenaan deposit.

"**HLBG"** bermakna Hong Leong Bank Berhad dan/atau syarikat subsidiarinya.

"**HLB Connect**" bermakna perkhidmatan perbankan internet dan perkhidmatan aplikasi mudah alih yang disediakan oleh HLB / HLISB.

"**HLB**" bermakna Hong Leong Bank Berhad dan termasuk cawangan-cawangannya dan pengganti hak miliknya dan pemegang serah hak.

"**HLISB**" bermakna Hong Leong Islamic Bank Berhad dan termasuk cawangan-cawangannya dan pengganti hak miliknya dan pemegang serah haknya.

"**Polisi Pemberian Maklumat HLB/HLISB**" bermakna Polisi Pemberian Maklumat HLB/HLISB atau apa-apa polisi dan/atau prosedur biar apa pun namanya yang diberi berkaitan dengan pemberian maklumat yang mungkin dipinda dari semasa ke semasa, menyatakan komitmen HLB/HLISB terhadap etika dan integriti perniagaan yang baik, sehubungan ini pekerja-pekerja HLB dan HLISB, serta juga orang-orang yang memberi perkhidmatan, atau mempunyai hubungan perniagaan dengan HLB atau HLISB, adalah dikehendaki menyuarakan keperihatinan terhadap sebarang salah laku atau kesalahan yang boleh memberi kesan buruk kepada HLB/HLISB, termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada:

(a) apa-apa kesalahan jenayah, termasuk penipuan, korupsi, rasuah dan peras ugut;
(b) kegagalan mematuhi undang-undang atau peraturan; dan
(c) keprihatinan terhadap amalan salah.

"**Saya atau salah seorang pemegang akaun**" hendaklah termasuk Wasi atau Pentadbir.

"**Tarikh Matang**" jika tarikh matang jatuh pada hari Ahad, hari kelepasan am atau bukan Hari Perniagaan, maka tarikh matang akan dianggap jatuh pada Hari Perniagaan berikutnya.

"**Kadar Ditetapkan**" bermakna spread di atas Kadar Rujukan berdasarkan baki harian atau apa-apa kadar yang ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal atau, mengikut mana yang berkenaan, kadar atau kadar-kadar yang dinyatakan oleh HLB dalam surat tawarannya (jika berkenaan).

"**Notis Privasi**" bermakna polisi dan prinsip HLB/HLISB berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti yang sedia ada dan prospektif yang berurusan dengan HLB/HLISB seperti mana dipinda dari semasa ke semasa dan tersedia di laman sesawang HLB/HLISB atau dengan cara yang HLB/HLISB anggap wajar dari semasa ke semasa.

"**Kadar Rujukan**" bermaksud kadar rujukan setahun dari semasa ke semasa yang ditetapkan oleh HLB/HLISB sebagai kadar pinjaman/pembiayaan untuk kemudahan kredit/pembiayaan, termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada BLR/IFR, BR/IBR, SBR, ECOF, FDR atau KLIBOR mengikut mana-mana yang berkenaan atau kadar lain dengan apa sahaja nama yang disebut seperti yang disebut oleh HLB/HLISB di mana yang berkenaan dari semasa ke semasa. ECOF ditakrifkan sebagai kos untuk HLB/HLISB membiayai kemudahan dari mana-mana sumber yang dipilih mengikut budi bicara mutlaknya serta kos untuk mengekalkan rizab berkanun, keperluan kecairan, kos pentadbiran dan lain-lain yang berkaitan dengan HLB/HLISB sebagaimana yang ditetapkan oleh HLB/HLISB dari semasa ke semasa.

"**SBR**" bemaksud kadar faedah setahun dari semasa ke semasa yang mana disebut oleh HLB sebagai Kadar Asas Standard dan akan tertakluk pada perubahan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal.

"**Cagaran**" atau "**Dokumen cagaran"** bermakna apa-apa cagaran yang diambil atau dikehendaki oleh HLB/HLISB berkaitan dengan Akaun dan termasuk apa-apa cagaran lain yang diambil dari semasa ke semasa.

"**Pihak cagaran**" bermakna mana-mana orang yang menyediakan cagaran bagi mana-mana Akaun atau kemudahan yang disediakan kepada Pelanggan pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa.

"Barang dan Perkhidmatan yang patuh Syariah" bermaksud barang dan perkhidmatan yang boleh diterima dan berkaitan dengan Syariah.

"**Tanazul**" bermakna penepian hak oleh penyedia modal atas keuntungan pada awal kontrak yang akan berkuat kuasa pada peristiwa tertentu.

"**Cukai**" bermaksud cukai Malaysia atau asing, pungutan, pengenaan, duti, caj, fi, pemotongan atau pemotongan apa pun, yang dikenakan oleh mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa percukaian, pada masa sekarang, atau masa depan, secara langsung atau tidak langsung, termasuk, tanpa batasan, apa-apa cukai penggunaan dan cukai lain dengan nama apa pun yang disebut, dan apa-apa faedah, atau denda yang berkaitan dengannya.

"**Terma & Syarat**" bermakna terma dan syarat yang tertera di sini dan meliputi apa-apa pindaan, perubahan dan tambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh HLB/HLISB dengan memberi notis awal dan adalah terpakai kepada semua akaun melainkan dinyatakan sebaliknya bagi jenis-jenis akaun tertentu (cth. Akaun Perbankan Islam).

"**Tawarruq**" atau juga dikenali sebagai Murabahah (melalui urusan Tawarruq) merujuk pada pelbagai transaksi jual beli. Mekanik yang terlibat:

i) HLISB bertindak sebagai Ejen membeli Komoditi bagi pihak Pelanggan dengan Harga Belian.
ii) HLISB selepas itu sebagai Ejen kepada Pelanggan menjual Komoditi kepada HLISB dengan Harga Jualan berdasarkan Murabahah yang akan dibayar kepada Pelanggan secara bertangguh sepanjang tempoh (setelah mengambil kira apa-apa rebat jika ada).
iii) HLISB selepas itu menjual Komoditi kepada pihak ketiga atas dasar tunai dan serta merta.

1.2 **Tafsiran**

(a) Perkataan yang menunjukkan jantina lelaki adalah termasuk jantina perempuan dan jantina neutral dan begitu juga sebaliknya.

(b) Perkataan yang menandakan tunggal adalah termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

(c) Apabila Pelanggan terdiri daripada dua orang atau lebih, maka obligasi dan liabiliti setiap orang adalah bersama dan berasingan.

2. Pembukaan Akaun

2.1 Pembukaan Akaun dibuat melalui borang ditetapkan oleh HLB/HLISB dan tertakluk pada keperluan HLB/HLISB, termasuk umur, deposit minimum, rujukan dan dokumen-dokumen sokongan yang boleh diterima oleh HLB/HLISB. HLB/HLISB boleh menukar keperluan itu pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlaknya setelah memberi notis awal.

2.2 Permohonan membuka apa-apa Akaun adalah tertakluk kepada kelulusan HLB/HLISB.

2.3 Pertukaran Butiran

2.3.1 Ianya adalah penting bagi pihak HLB/HLISB untuk menyampaikan komunikasi kepada Pelanggan mengenai operasi Akaun dan sebarang aktiviti berkaitan pemasaran. Pelanggan bersetuju untuk memaklumkan kepada HLB/HLISB dengan segera tentang sebarang perubahan terhadap butiran Pelanggan seperti dan yang berkenaaan, nama, alamat, alamat e-mel, nombor hubungan, maklumat pekerjaan, status (sama ada disebabkan oleh peristiwa seperti kematian, insolvensi, kebankrapan, ketidakupayaan atau sebaliknya) atau perlembagaan bagi Pelanggan bukan individu (sebagai contoh, perubahan daripada perkongsian kepada pemilikan tunggal, peletakan jawatan rakan kongsi/pengarah atau perubahan pemilikan), dan/atau penandatangan yang dibenarkan ("**Butiran Pelanggan**").

2.3.2 Pelanggan hendaklah dengan segera memberitahu HLB/HLISB akan sebarang pertukaran butiran Pelanggan dengan menghubungi +603-7626 8899 atau mengunjungi mana-mana cawangan HLB/HLISB di seluruh negara.

2.3.3 Jika pelanggan tidak memaklumkan HLB/HLISB akan sebarang pertukaran Butiran Pelanggan, maka HLB/HLISB berhak berpegang kepada Butiran Pelanggan yang terakhir diketahui.

2.3.4 Bagi akaun bersama, HLB/HLISB hanya akan menerima pertukaran Butiran Pelanggan jika pemberitahuan itu dibuat oleh Orang Dibenarkan.

2.4 HLB/HLISB berhak menganggap butiran yang disampaikan oleh Pelanggan sebagai lengkap, benar dan betul dan berpegang kepada dan bertindak berpandukan butiran berkenaan. Pelanggan membenarkan dan memberi keizinan untuk HLB/HLISB mendapatkan apa-apa maklumat lain Pelanggan daripada sebarang sumber termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada CCRIS, FIS, CTOS atau mana-mana agensi rujukan kredit, Pihak Berkuasa Hasil Dalam Negeri atau mana-mana pihak berkuasa lain dan melalui apa-apa cara dan pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh HLB/HLISB.

3. Arahan dan Notis

3.1 Pelanggan dengan ini membenarkan HLB/HLISB untuk:

3.1.1 berpegang kepada dan bertindak berdasarkan notis atau arahan Pelanggan yang diberikan dengan cara berikut ("**Arahan**"):

(a) melalui telefon, pos, penghantaran peribadi, penghantaran faksimili, e-mel atau cara elektronik lain; dan

(b) berdasarkan tandatangan yang kelihatan pada HLB / HLISB, dengan merujuk kepada nama dan tandatangan orang-orang tersebut yang diajukan kepada HLB/HLISB untuk menjadi tandatangan Pelanggan atau orang yang diberi kuasa oleh Pelanggan untuk mengeluarkan arahan tersebut;

3.1.2 memperlakukan semua Arahan tersebut yang diberikan sebagai mengikat Pelanggan tanpa pertanyaan mengenai identiti orang yang memberi atau bermaksud memberikan Arahan tersebut atau mengenai kesahihan Arahan tersebut.

3.2 HLB/HLISB boleh menolak Arahan tanpa liabiliti kepada Pelanggan.

3.3 HLB/HLISB boleh merakam semua perbualan dan Arahan telefon dan boleh menggunakan rakaman dan transkrip tersebut sebagai bukti dalam sebarang pertikaian.

3.4 Pelanggan akan menanggung risiko Arahan yang diberikan dengan cara yang dinyatakan di sini termasuk risiko Arahan tersebut diberikan oleh orang yang tidak dibenarkan dan / atau apa-apa kesalahan, kehilangan atau kelewatan yang disebabkan oleh penggunaan peranti telekomunikasi, rangkaian atau cara elektronik.

.

3.5 Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk membayar balik dan membayar kepada HLB/HLISB di atas permintaan bertulis daripada HLB/HLISB, bagi segala kerugian, tuntutan, permintaan, kerosakan, perbelanjaan dan segala liabiliti lain yang mungkin ditanggung oleh HLB/HLISB akibat HLB/HLISB menerima dan bertindak berpandukan Arahan Pelanggan selaras dengan Klausa 3.

3.6 Apa-apa notis daripada Pelanggan kepada HLB/HLISB (yang ditujukan kepada Cawangan di mana Akaun tersebut diselenggara), jika dihantar melalui pos atau khidmat kurier atau ditinggalkan di Cawangan **TIDAK** akan dianggap telah diserahkan kepada HLB/HLISB melainkan ada akuan penerimaan oleh HLB/HLISB secara bertulis.

4. Deposit dan Pengeluaran

4.1 Pelanggan boleh membuat deposit dan pengeluaran (tertakluk pada syarat deposit dan pengeluaran minimum yang dikehendaki HLB/HLISB) dengan mengisi borang ditetapkan dan menunjukkan dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh HLB/HLISB.

4.2 Semua cek dan dan instrumen kewangan lain boleh diterima untuk kutipan tetapi hasil kutipannya **TIDAK** akan dikreditkan/digunakan sehingga HLB/HLISB telah menerima pembayaran baginya. Cek dan instrumen kewangan lain yang didepositkan ke dalam Akaun **TIDAK** boleh, melainkan dengan pengaturan yang khas, dikeluarkan daripadanya sehingga hasil kutipan sebenarnya telah diterima oleh HLB/HLISB.

4.3 HLB/HLISB berhak menolak untuk menerima kutipan bagi cek dan instrumen kewangan lain yang menurut pendapat HLB/HLISB adalah di luar kebiasaan dalam apa cara pun atau yang ternyata **TIDAK** selaras dengan kehendak Syariah (bagi Akaun di bawah HLISB) atau mungkin telah dipinda dalam apa cara pun walaupun pindaan itu telah ditandatangani balas oleh penyuruh bayar.

4.4 HLB/HLISB berhak mendebit Akaun dengan nilai cek yang telah dibeli/terdiskaun sebelum ini atau telah dikreditkan kepada Pelanggan jika cek tersebut adalah cek tidak laku.

4.5 Cek yang diterima untuk kutipan tetapi tak laku boleh dikembalikan kepada Pelanggan atas risiko dan perbelanjaan Pelanggan sendiri.

4.6 HLB/HLISB berhak membayar Pelanggan apa-apa amaun yang dikeluarkan secara tunai, cek jurubank dan/atau bentuk kiriman wang/cara lain yang disediakan oleh HLB/HLISB, termasuk cara pindahan kepada akaun Pelanggan dengan mana-mana bank lain selaras dengan arahan bertulis Pelanggan dan apa-apa keperluan undang-undang atau peraturan berkenaan.

5. Dana Mencukupi

Pelanggan hendaklah memastikan terdapat dana jelas dan mencukupi dalam Akaun untuk melaksanakan sebarang transaksi yang diarah oleh Pelanggan (termasuk ketika mengeluarkan cek).

6. Faedah/Keuntungan

Faedah/keuntungan pada kadar yang ditetapkan oleh HLB/HLISB dari semasa ke semasa akan dibayar atas Akaun selaras dengan amalan semasa HLB/HLISB (jika berkenaan).

7. Akaun Bersama

7.1 Atas permintaan Pelanggan, HLB/HLISB dengan menurut budi bicara mutlaknya boleh membenarkan penukaran Akaun individu kepada Akaun bersama atau membenarkan penambahan pemegang akaun kepada Akaun bersama yang sedia ada. Segala wang yang terdapat dalam kredit Akaun individu hendaklah menjadi harta milik Bersama semua pemegang akaun bersama itu selepas penukaran tersebut dan HLB/HLISB **TIDAK** akan terikat untuk mengiktiraf sebaliknya melainkan HLB/HLISB mendapat notis bertulis tentang hal tersebut. Segala obligasi dan liabiliti pemegang akaun individu berbangkit daripada atau berkenaan Akaun individu sama ada berbangkit daripada sebelum, pada atau selepas penukaran akan ditanggung oleh setiap pemegang akaun bersama secara bersama dan berasingan. Peruntukan ini juga diguna pakai jika terdapat seorang lagi pemegang akaun dalam Akaun bersama yang sedia ada.

7.2 Semua pemegang akaun bersama mestilah hadir untuk membuka Akaun bersama. Jika HLB/HLISB diarahkan dan dibenarkan bertindak berpandukan arahan salah seorang pemegang akaun bersama, Akaun boleh dikendalikan atau ditutup oleh salah seorang pemegang akaun bersama. Jika HLB/HLISB dibenarkan bertindak berpandukan arahan semua pemegang akaun bersama, maka Akaun hanya boleh dikendalikan atau ditutup oleh semua pemegang akaun bersama, mengikut mana yang berkenaan.

7.3 HLB/HLISB berhak menolak untuk menerima cek atau instrumen kewangan yang dikeluarkan di atas nama salah seorang pemegang akaun bersama, untuk dibayar kepada akaun bersama. Sekiranya HLB/HLISB menerima cek atau instrumen kewangan tersebut yang dikeluarkan di atas nama salah seorang pemegang akaun bersama, maka pemegang-pemegang akaun bersama akan membayar balik dan membayar kepada HLB/HLISB atas permintaan bertulis HLB/HLISB bagi segala kerugian, kerosakan, kos dan caj yang dialami atau ditanggung oleh HLB/HLISB akibat menerima cek atau instrumen kewangan tersebut.

7.4 Sekiranya salah seorang pemegang akaun bersama meninggal dunia, HLB/HLISB dibenarkan untuk menerima kuasa penakat atau salah seorang di antara mereka (jika lebih daripada seorang) (yang akan bertindak sebagai pemegang amanah bagi Akaun HLISB) dan membayar kepada seorang, lebih atau semua (atas budi bicara mutlak HLB/HLISB) penakat/pemegang amanah itu menurut keutamaan kepada mana-mana Wasi, Pentadbir atau penuntut (kecuali bagi HLB/HLISB) apa-apa baki kredit dalam akaun bersama dan apa-apa harta benda dalam apa jenis pun yang dipegang atas nama Pemegang Akaun tertakluk pada sebarang hak HLB/HLISB. Pembayaran oleh HLB/HLISB kepada penakat/pemegang amanah akan dianggap sebagai pelepasan penuh bagi HLB/HLISB dari apa-apa baki kredit dalam akaun bersama dan apa-apa harta benda dalam apa jenis pun yang dipegang atas nama Pemegang Akaun tertakluk pada sebarang hak HLB/HLISB.

8. Akaun Perkongsian Tidak Diperbadankan

Sekiranya salah seorang rakan kongsi dalam perkongsian tidak diperbadankan meninggal dunia, bersara, meletak jawatan atau bankrap, HLB/HLISB boleh tetapi **TIDAK** berkewajipan membenarkan pengendalian Akaun diteruskan seolah-olah tiada perubahan dalam perkongsian. Dalam hal sedemikian, jika HLB/HLISB atas budi bicara mutlaknya membenarkan pengendalian Akaun diteruskan, maka rakan kongsi yang selebihnya akan bertanggung jawab terhadap apa-apa jumlah wang belum lunas yang sedia ada dan terakru.

9. Akaun Amanah

9.1 Deposit dalam Akaun amanah dipegang secara amanah oleh pemegang amanah; dan

9.2 Pelanggan mestilah berhak di bawah undang-undang dan ekuiti dan/atau keperluan Syariah untuk mengendalikan sepenuhnya dan menutup mana-mana Akaun tanpa sebarang kekangan. Pelanggan bersetuju dan berjanji untuk membayar balik HLB/HLISB di atas arahan bertulis HLB/HLISB, semua kerugian, kerosakan dan kos yang ditanggung oleh HLB/HLIB yang timbul daripada atau berhubung dengan semua wang yang telah dibayar menurut arahan Pelanggan.

10. Akaun Dorman

10.1 HLB/HLISB boleh menganggap Akaun sebagai dorman jika tiada apa-apa transaksi dilakukan oleh Pelanggan untuk tempoh tertentu tau mana-mana tempoh lain yang ditentukan oleh HLB/HLISB.

10.1.1 Akaun Semasa (kecuali Akaun Semasa asas) akan dianggap tidak aktif sekiranya tiada transaksi untuk tempoh **enam (6)** bulan berterusan atau mana-mana tempoh lain yang ditentukan oleh HLB/HLISB. Dalam kes Akaun Semasa asas, Akaun Semasa asas akan dianggap tidak aktif sekiranya tiada transaksi untuk tempoh **dua belas (12)** bulan berterusan atau mana-mana tempoh lain yang ditentukan oleh HLB/HLISB.

10.1.2 Akaun Simpanan akan dianggap tidak aktif sekiranya tiada transaksi untuk tempoh **dua belas (12)** bulan berterusan atau mana-mana tempoh lain yang ditentukan oleh HLB/HLISB.

10.1.3 Sebaik sahaja akaun dianggap tidak aktif, Pelanggan boleh sama ada memilih untuk mengaktifkan semula akaun tersebut atau menutup akaun tersebut sebelum dana dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.

10.2 HLB/HLISB berhak mengenakan caj ke atas Akaun dorman atas budi bicara mutlaknya pada kadar yang dinyatakan di laman sesawang HLB/HLISB masing-masing di www.hlb.com.my dan www.hlisb.com.my.

10.3 Apa-apa jumlah wang yang ada dalam kredit sesuatu Akaun yang **TIDAK** dikendalikan selama **tujuh (7)** tahun atau lebih akan diklasifikasikan sebagai wang tak dituntut di bawah Seksyen 8 Akta Wang Tak Dituntut 1965 (**"UMA"**) dan akan diuruskan oleh HLB/HLISB selaras dengan UMA, seperti mana dipinda dari semasa ke semasa. Ini boleh termasuk menghantar jumlah wang tersebut kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut menurut UMA.

11. Hak Tolak-Selesai dan Penyatuan

11.1 Tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain yang ada pada HLB/HLISB, maka HLB/HLISB berhak untuk menggabung dan menyatukan mana-mana atau semua Akaun Pelanggan dalam HLB/HLISB dalam apa pun jenisnya (sama ada akaun semasa, deposit, pinjaman/pembiayaan, akaun berasingan atau bersama) terhadap liabiliti Pelanggan dengan HLB/HLISB setelah memberi notis awal **tujuh (7)** hari dengan sebab dan menolak-selesai dan memindah milik apa-apa jumlah kredit dalam mana-mana Akaun tersebut bagi menyelesaikan apa-apa liabiliti Pelanggan kepada HLB/HLISB di bawah mana-mana Akaun, perjanjian atau kontrak, sama ada liabiliti tersebut adalah primer, kolateral, bersama atau berasingan atau dalam apa-apa mata wang lain.

11.2 Jika baki kredit dalam mana-mana Akaun tersebut atau apa-apa bayaran yang dibuat atau diterima **BUKAN** dalam **Ringgit Malaysia** atau dalam apa-apa mata wang lain yang saling dipersetujui, maka HLB/HLISB berhak menukar mata wang itu dan untuk tujuan ini nilai setara Ringgit Malaysia akan ditentukan oleh HLB/HLISB atas budi bicara mutlaknya pada kadar pertukaran semerta semasa HLB/HLISB.

11.3 Hak-hak HLB/HLISB di bawah ini **TIDAK** terjejas apabila Pelanggan jatuh bankrap, gila atau meninggal dunia.

12. Tiada Tolak-Selesai atau Tuntutan Balas oleh Pelanggan

Sehingga semua wang yang terhutang telah dibayar atau dilangsaikan sepenuhnya, Pelanggan tidak akan dengan cara melunaskan apa-apa jumlah wang yang boleh dapat balik oleh HLB/HLISB atau dengan apa-apa cara lain atau atas apa-apa alasan lain menuntut tolak-selesai atau menuntut balas terhadap HLB/HLISB berkenaan apa-apa liabiliti daripada HLB/HLISB kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain. Pelanggan bersetuju bahawa tiada apa-apa pun dalam perkiraan antara HLB/HLISB dengan Pelanggan dan/atau mana-mana pihak lain dapat disifatkan sebagai satu persetujuan tersirat yang membatasi atau menidakkan sebarang lien, gadaian, cagaran, hak tolak-selesai atau hak lain yang HLB/HLISB sedia ada atau tersirat menurut undang-undang.

13. Lien

HLB/HLISB dibenarkan untuk menjalankan lien ke atas apa-apa dan semua wang dan harta benda Pelanggan dan mana-mana pihak cagaran yang (atas apa jua sebab) berada dalam atau yang bagaimanapun berada dalam pemilikan atau kawalan HLB/HLISB. HLB/HLISB boleh melupuskan atau menjual harta benda tersebut dan menggunakan hasil jualan selepas ditolak perbelanjaan untuk melunaskan apa-apa obligasi, hutang-piutang dan liabiliti yang Pelanggan berhutang dengan HLB/HLISB.

14. Penggunaan Bayaran

Walau apa pun dinyatakan bertentangan dengan apa terkandung di dalam ini, HLB/HLISB berhak menggunakan apa-apa bayaran yang diterima daripada Pelanggan atau mana-mana orang lain membuat bayaran bagi pihak Pelanggan (tanpa mengira sama ada tujuan bayaran dinyatakan atau tidak) untuk melunaskan secara keseluruhan atau sebahagian mana-mana amaun prinsipal, faedah/keuntungan (termasuk faedah bayaran lewat)/caj pampasan) atau apa-apa jumlah wang yang Pelanggan berhutang dengan HLB/HLISB mengikut apa-apa susunan yang HLB/HLISB dapati wajar.

15. Hak untuk Mengehadkan/Menahan Dana atau Mendebit Akaun

15.1 HLB/HLISB berhak pada bila-bila masa untuk mengehadkan, menahan atau mendebit Akaun Pelanggan bagi sebarang jumlah yang telah dikreditkan ke dalam Akaun Pelanggan:

15.1.1 jika terdapat syak wasangka bahawa instrumen yang digunakan, arahan yang diberikan atau transaksi itu sendiri telah diubah, atau adalah salah, tidak wajar, tersilap, tidak dibenarkan dan/atau berunsur penipuan, sama ada Pelanggan terlibat ataupun tidak; atau

15.1.2 jika dikehendaki oleh mana-mana undang-undang, peraturan, pengawalaturan atau arahan daripada mana-mana pihak berkuasa kawal selia; atau

15.1.3 jika HLB/HLISB menerima perintah mahkamah untuk tujuan tersebut; atau

15.1.4 jika hasil siasatan HLB/HLISB, adalah dibuktikan bahawa Pelanggan bukan penerima dana yang dimaksudkan.

15.1.5 dalam melaksanakan hak-hak HLB/HLISB bawah Klausa 11.1.

15.2 Sekiranya HLB/HLISB mendebit Akaun Pelanggan bawah Klausa 15.1 di atas, HLB/HLISB akan memberi notis bertulis awal tujuh (7) hari kepada Pelanggan sebelum pendebitan.

16. Penggantungan/Pembekuan dan Penutupan Akaun

16.1 Penggantungan Akaun

16.1.1 HLB/HLISB boleh mengikut budi bicaranya menggantung/membeku operasi mana-mana atau semua Akaun dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan atas apa-apa sebab termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

(a) HLB/HLISB dengan niat baik meragui kuasa atau kesahihan sebarang arahan yang didakwa diberikan oleh Pelanggan termasuk perubahan atau pembatalan arahan yang diberi oleh Pelanggan;

(b) apabila terdapat perubahan pada status atau perlembagaan Pelanggan sama ada disebabkan oleh peristiwa seperti kematian, peletakan jawatan, insolvensi, kebankrapan, ketidakupayaan mental atau sebaliknya;

(c) apabila pada pendapat HLB/HLISB, terdapat bukti pertikaian berkaitan dengan mana-mana Akaun;

(d) HLB/HLISB percaya atau mengesyaki bahawa Akaun tersebut digunakan untuk pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan atau skim penipuan atau haram yang lain;

(e) Pelanggan telah memberikan gambaran yang salah berkenaan identiti Pelanggan dan/atau memberi maklumat atau dokumen palsu, salah atau mengelirukan berkaitan dengan Akaun;

(f) Pelanggan gagal memaklumkan kepada HLB/HLISB dengan segera mengenai sebarang perubahan terhadap Butiran Pelanggan menurut Klausa 2.3 atau gagal mengemas kini Butiran Pelanggan apabila diminta;

(g) Pelanggan gagal mengambil tindakan dan/atau memberi maklumat dan/atau dokumen yang diminta secara munasabah oleh HLB/HLISB bagi tujuan pematuhan cukai, undang-undang dan/atau peraturan dalam tempoh masa yang telah dimaklumkan oleh HLB/HLISB;

(h) terdapat sebarang perintah, arahan atau sekatan yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa kawal selia yang menyekat atau melarang operasi Akaun;

(i) laporan polis telah dibuat terhadap Pelanggan atau berkaitan dengan Akaun;

(j) siasatan sedang dijalankan oleh pihak berkuasa atau HLB/HLISB terhadap Pelanggan atau berkaitan dengan Akaun;
(k) apa-apa kemudahan yang diberi kepada Pelanggan melalui Akaun telah digantung, ditarik balik atau ditamatkan atas sebarang sebab;
(l) terdapat hutang dengan HLB/HLISB yang tertunggak oleh Pelanggan sama ada sebagai peminjam, pihak yang menyediakan jaminan atau penjamin;
(m) Pelanggan menyalahgunakan perkhidmatan elektronik atau perbankan internet atau sistem IT HLB/HLISB; dan/atau
(n) Pelanggan melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini.

16.2 Penutupan Akaun

16.2.1 HLB/HLISB boleh mengikut budi bicaranya menutup mana-mana atau semua Akaun dengan memberi notis bertulis kepada Pelanggan. HLB/HLISB akan terlepas daripada segala liabiliti setelah menyampaikan atau menghantar kepada Pelanggan di alamat terakhir yang diberitahu kepada HLB/HLISB baki, jika ada, dalam kredit Akaun dalam bentuk cek jurubank atau apa-apa kiriman wang lain.

16.2.2 Dengan penutupan Akaun sama ada oleh Pelanggan atau HLB/HLISB, semua cek belum guna akan menjadi hak milik HLB/HLISB dan Pelanggan hendaklah memulangkan cek tersebut kepada HLB/HLISB.

16.2.3 Tanpa menjejaskan keperluan dalam Klausa 16.2.1 di atas, HLB/HLISB boleh menutup mana-mana Akaun selaras dengan garis panduan BNM berkaitan dengan cek tak laku, kebankrapan, penggulungan atau pembubaran.

16.2.4 Sekiranya wang termasuk apa-apa faedah/keuntungan terakru dalam kredit Akaun dihantar kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut menurut UMA dan apa-apa pindaan statutori ke atasnya, maka Akaun berkenaan akan ditutup.

16.3 Pelanggan mengakui bahawa terdapat situasi di mana HLB/HLISB tidak boleh mendedahkan sebab-sebab untuk menggunakan budi bicaranya bagi menggantung/membeku atau menutup Akaun.

16.4 HLB/HLISB berhak mengenakan caj perkhidmatan sekiranya Akaun ditutup dalam tempoh **enam (6)** bulan akaun dibuka atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh HLB/HLISB setelah memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari.

17. Kos, Perbelanjaan, Cukai dan Caj Lain

17.1 Tertakluk pada Klausa 11, HLB/HLISB berhak mengenakan dan menolak daripada atau mendebit Akaun bagi:
(a) fi perkhidmatan dan pelbagai caj lain, termasuk caj bank yang biasa, komisen dan duti setem, atas semua transaksi dan perkhidmatan yang disediakan pada kadar seperti mana diberitahu dari semasa ke semasa;
(b) fi guaman (atas berdasarkan hubungan antara peguam dan klien) yang ditanggung kerana mendapatkan kembali jumlah wang yang terhutang dengan HLB/HLISB dan bagi Akaun bukan HLISB, Pelanggan hendaklah membayar faedah/caj atas amaun didebitkan itu pada Kadar Ingkar atau Kadar Lebihan apabila tiada Kadar Ingkar (baik sebelum mahupun selepas tuntutan, penghakiman atau perintah dibuat) pada tempoh rehat seperti mana ditetapkan oleh HLB/HLISB dari tarikh jumlah wang itu telah dibayar atau dikeluarkan atau terhutang sehingga tarikh penyelesaian; dan
(c) mengikut mana yang berkenaan, caj perkhidmatan atas Akaun dan apa-apa faedah/keuntungan atas baki kredit akan dikira mengikut peraturan ABM/AIBIM atau HLB/HLISB.

17.2 HLB/HLISB mempunyai hak mutlak untuk mengubah fi perkhidmatan, komisen dan caj-caj lain pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa setelah memberi notis awal **dua puluh satu (21**) hari.

17.3 Bayaran perkhidmatan, komisen dan caj lain-lain yang perlu dibayar oleh Pelanggan kepada HLB / HLISB di bawah Terma dan Syarat ini adalah tidak termasuk sebarang Cukai, yang jika perlu dibayar, akan dibayar oleh Pelanggan tanpa tolak selesai, sekatan atau syarat.

17.4 Sekiranya HLB/HLISB dikehendaki undang-undang supaya memotong atau menahan apa-apa amaun berkenaan dengan Cukai yang perlu dibayar oleh Pelanggan, HLB/HLISB berhak memotong atau menahan amaun tersebut dalam Akaun atau sebarang amaun perlu dibayar oleh Pelanggan, mengikut kesesuaian.

18. Waktu dan/atau Hari Perniagaan

Waktu dan/atau hari perniagaan HLB/HLISB boleh dilanjutkan, diubah atau sebaliknya dipinda selaras dengan keperluan perniagaan dan operasinya setelah memberi notis awal.

19. Penepian

Kegagalan atau kelewatan HLB/HLISB dalam menjalankan ataupun ketinggalan menjalankan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi yang ada pada HLB/HLISB di bawah Terma dan Syarat ini sama sekali tidak akan menjejaskan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tersebut atau ditafsirkan sebagai penepian atau persetujuan terhadap keingkaran itu, begitu juga apa-apa tindakan oleh HLB/HLISB berkenaan keingkaran atau persetujuan terhadap keingkaran tersebut tidak akan menjejaskan hak, kuasa, keistimewaan atau remedi HLB/HLISB berkenaan apa-apa keingkaran lain atau kemudiannya.

20. Akui Janji Pelanggan

20.1 Sebagai tambahan dan tanpa menjejaskan kuasa, hak dan remedi yang ada pada HLB/HLISB di dalam ini, dari segi undang-undang dan/atau ekuiti, Pelanggan dengan ini bersetuju dan berjanji untuk membayar balik kepada HLB/HLISB atas permintaan bertulis HLB/HLISB, bagi segala kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada perbelanjaan guaman atas dasar peguam cara dan klien) yang mungkin ditanggung atau dialami oleh HLB/HLISB sebagai akibat keingkaran Pelanggan membayar apa-apa jumlah wang yang terhutang termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada apa-apa faedah/pampasan/caj atau fi yang dibayar atau kena bayar bagi atau berkenaan apa-apa dana yang diguna, dipinjam/dibiayai atau deposit daripada pihak ketiga untuk mengekalkan amaun yang gagal dibayar atau dalam likuidasi atau menggunakan semula dana atau deposit tersebut atau kerana pelanggaran mana-mana Terma dan Syarat ini.

20.2 Pelanggan selanjutnya bersetuju dan berjanji membayar balik dan membayar kepada HLB/HLISB atas permintaan bertulis HLB/HLISB bagi segala kerugian, kos dan caj yang ditanggung oleh HLB/HLISB kerana pihaknya menjamin sebarang pengendorsan, atau pelepasan atas apa-apa cek, bil, nota, draf, dividen waran atau apa-apa instrumen lain yang diserahkan oleh Pelanggan untuk kutipan dan setiap jaminan tersebut yang diberi oleh HLB/HLISB akan dianggap telah diberi atas permintaan nyata Pelanggan dalam setiap kes.

20.3 Sekiranya Pelanggan terdiri lebih daripada satu orang, perjanjian dalam Klausa 20 ini akan dianggap telah diberikan kepada HLB/HLISB oleh setiap orang tersebut yang terdiri daripada Pelanggan secara bersama dan berasingan.

21. Batasan Liabiliti

21.1 Kecuali bagi ganti rugi yang berbangkit secara langsung daripada keingkaran sengaja atau kecuaian melampau HLB/HLISB, maka dengan itu HLB/HLISB **TIDAK** akan bertanggungjawab terhadap Pelanggan dan/atau mana-mana pihak ketiga bagi apa-apa kerugian (sama ada secara langsung atau tidak langsung) keuntungan atau perniagaan atau nama baik atau apa-apa kerugian atau kerosakan secara tidak langsung atau berbangkit apa jua pun yang berbangkit meskipun HLB/HLISB telah dimaklumkan akan kemungkinan kerugian atau kerosakan atau tuntutan oleh mana-mana pihak ketiga.

21.2 Tertakluk pada peruntukan di dalam ini, liabiliti penuh dan mutlak HLB/HLISB terhadap Pelanggan dari segi kontrak, “tort” (termasuk kecuaian atau kemungkiran kewajipan statutori) atau sebaliknya yang timbul oleh sebab atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini atau walau apa pun **TIDAK**

akan melebihi amaun transaksi terlibat yang menimbulkan tuntutan atau kerosakan secara langsung yang dialami, mengikut mana yang lebih rendah.

21.3 Setiap peruntukan Klausa 21 ini hendaklah ditafsirkan sebagai suatu batasan yang berasingan yang diguna pakai dan bertahan biarpun atas sebab salah satu peruntukan itu tidak boleh diguna pakai atau dianggap tak munasabah dalam apa pun keadaan dan akan kekal berkuat kuasa walaupun Akaun atau pekhidmatan ditamatkan.

22. Kejadian di Luar Kawalan HLB/HLISB

Walau apa pun peruntukan lain di dalam ini, sekiranya HLB/HLISB tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan atas sebarang sebab di luar kawalan HLB/HLISB, termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana alam, kemalangan, rusuhan, kacau bilau awam, pertikaian perindustrian, perbuatan musuh awam, embargo, peperangan atau apa-apa faktor di luar kawalan HLB/HLISB atau kegagalan atau gangguan telekomunikasi, bekalan elektrik, air dan bekalan bahan api, maka HLB/HLISB **TIDAK** sekali-kali bertanggungjawab terhadap kesulitan, kerugian, kecederaan, dan kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan akibat daripadanya.

23. Kebolehasingan

Jika mana-mana peruntukan, terma atau syarat di dalam ini atau apa-apa dokumen cagaran yang diambil adalah atau menjadi kesalahan di sisi undang-undang, terbatal, tidak sah, terlarang atau tidak boleh dikuatkuasakan dari segenap segi, maka peruntukan tersebut adalah tidak efektif setakat kepenyalahan undang-undang, pembatalan, ketidaksahan, larangan atau ketidak boleh kuatkuasaan tanpa membatalkan, dalam apa cara sekalipun, peruntukan-peruntukan selebihnya dalam Terma dan Syarat ini atau dokumen cagaran berkenaan, mengikut mana yang berkenaan.

24. Notis oleh HLB/HLISB

24.1 Apa-apa pemberitahuan daripada HLB/HLISB kepada pelanggan boleh diberi dengan salah satu cara berikut:

(a) dengan pos biasa atau pos berdaftar atau kurier atau dengan tangan dihantar kepada atau ditinggalkan di alamat Pelanggan terakhir yang diketahui dan berdaftar dengan HLB/HLISB dan akan dianggap telah diterima oleh Pelanggan dalam tempoh **tiga (3)** Hari Perniagaan setelah diposkan jika dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar dan dalam tempoh **dua (2)** Hari Perniagaan setelah dihantar jika melalui kurier atau setelah diakui penerimaannya jika dengan tangan; atau

(b) melalui notis am dalam satu akhbar utama atau dihebahkan di premis cawangan HLB/HLISB atau pada skrin visual menerusi komputer atau terminal visual atau di laman sesawangnya “www.hlb.com.my/www.hlisb.com.my”, dan notis tersebut akan dianggap telah dihantar atau efektif dari tarikh notis tersebut diedarkan atau tarikh yang dinyatakan di dalam notis tersebut.

24.2 Apa-apa perubahan, termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada Terma dan Syarat ini, ciri-ciri sebarang produk kewangan dan hak serta obligasi Pelanggan akan diberitahu kepada Pelanggan dengan cara yang disebut dalam Klausa 24.1 di atas sebelum perubahan itu diperkenalkan.

25. Pendedahan

Di samping pendedahan dibenarkan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 / Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, Pelanggan membenarkan dan memberi keizinan kepada Bank, para pegawai dan pekerjanya untuk mendedahkan dan membekalkan segala maklumat mengenai Akaun, Terma dan Syarat ini, akaun Pelanggan pada masa ini dan masa akan datang dan apa-apa hal lain berkaitan dengan Pelanggan atau perniagaan dan operasinya kepada:

(a) institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang memberi kemudahan kredit kepada Pelanggan, Biro Kredit Pusat atau mana-mana biro kredit pusat lain yang ditubuhkan oleh BNM, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, atau mana-mana pihak berkuasa berkenaan yang dibenarkan undang-undang untuk mendapat apa-apa maklumat tersebut atau pihak berkuasa/agensi yang ditubuhkan oleh BNM atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh ABM/AIBIM;

(b) mana-mana perbadanan masa kini atau akan datang yang bersekutu atau berkaitan dengan Bank (seperti yang ditakrif dalam Akta Syarikat 2016), termasuk pejabat wakil dan cawangan

dan wakil mereka masing-masing serta subsidiary syarikat induk HLB/HLISB;

(c) pihak cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang menyediakan cagaran untuk Akaun;

(d) juruaudit HLB/HLISB, peguam cara dan/atau ejen bersabit dengan pemerolehan kembali wang terhutang dan kena dibayar di bawah ini; dan

(e) penasihat profesional HLB/HLISB, penyedia perkhidmatan, penama, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh HLB/HLISB dan syarikat-syarikat berkaitan atau bersekutunya.

Dengan ini Pelanggan memberi keizinan bagi pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa HLB/HLISB, para pegawai dan pekerjanya tidaklah menanggung liabiliti kerana memberikan maklumat tersebut atau kerana akibat berpegang kepada maklumat yang diberi menurut Terma dan Syarat ini.

26. Representasi dan Waranti tentang Pemprosesan Maklumat Peribadi

Dengan ini Pelanggan memberi representasi dan waranti bahawa Pelanggan telah mendapatkan keizinan semua individu yang dinamakan dalam permohonan Pelanggan bagi Akaun atau apa-apa dokumen lain yang diserahkan kepada HLB/HLISB sebagai menyokong permohonan tersebut dan/atau wakil-wakil sah mereka, termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada para pengarah, pemegang syer, penandatangan sah mereka atau mana-mana individu lain yang ditentukan oleh HLB/HLISB (**"Subjek Data Berkenaan"**) untuk pengumpulan, pegangan dan penggunaan maklumat peribadi Subjek Data Berkenaan oleh HLB/HLISB menurut Notis Privasi HLB/HLISB yang dipinda dari semasa ke semasa.

27. Keizinan Memproses Maklumat Peribadi

Dengan ini Pelanggan bersetuju dan memberi izin untuk pegangan, pengumpulan dan penggunaan segala data peribadi yang dibekalkan kepada HLB/HLISB atau diperolehi oleh HLB/HLISB daripada domain awam, serta data peribadi yang timbul daripada penyediaan perkhidmatan kepada Pelanggan berkaitan dengan Akaun, selaras dengan Notis Privasi HLB/HLISB yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.

28. Aku Janji Antirasuah, Antikorupsi dan Pemberian Maklumat

28.1 Dengan ini Pelanggan mengesahkan bahawa HLB/HLISB mengamalkan sikap sifar toleransi terhadap sebarang bentuk rasuah dan korupsi selari dengan Polisi ABC.

28.2 Dengan ini Pelanggan mengesahkan dan beraku janji seperti berikut:

(i) Pelanggan telah membaca dan memahami Polisi ABC;

(ii) Pelanggan akan dan memastikan para pengarah, pegawai, pekerja dan wakil sah atau ejen, patuh kepada Polisi ABC dan Undang-undang Anti Rasuah; dan

(iii) memberitahu HLB/HLISB tentang ketidakpatuhan atau percubaan ketidakpatuhan kepada Polisi ABC dan/atau Undang-undang Anti Rasuah oleh mana-mana pekerja HLBG atau individu yang berkaitan dengan HLBG dengan mengadukan hal tersebut selaras dengan Polisi Pemberian Maklumat HLB/HLISB.

29. Terma & Syarat

29.1 Pengendalian dan penggunaan Akaun adalah tertakluk pada Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma dan syarat lain yang ditetapkan oleh HLB/HLISB. Pelanggan boleh mengubah atau meminda terma ini dengan syarat dipersetujui oleh HLB/HLISB secara bertulis.

Bagi Pelanggan HLISB, Pelanggan mengesahkan dan bersetuju bahawa penggunaan Akaun akan digunakan untuk aktiviti atau tujuan Barangan dan Perkhidmatan yang patuh Syariah dan jika ia digunakan untuk aktiviti atau tujuan yang tidak patuh Syariah, ia bukanlah di bawah tanggungjawab HLISB.

29.2 HLB/HLISB berhak untuk menambah, mengubah, meminda atau menggugurkan mana-mana atau semua Terma & Syarat ini pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa setelah memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari. Pembukaan dan penyelenggaraan berterusan Akaun oleh Pelanggan adalah menjadi persetujuan Pelanggan untuk terikat dengan Terma & Syarat ini (tertakluk pada patuh Syariah bagi Akaun Perbankan Islam).

29.3 Produk, Ciri atau Perkhidmatan Baharu/Tambahan - Jika HLB/HLISB menawarkan produk, ciri atau perkhidmatan baharu atau tambahan kepada Pelanggan, maka penerimaan Pelanggan dengan cara yang ditetapkan oleh HLB/HLISB dan penggunaan produk, ciri atau perkhidmatan baharu atau tambahan itu akan dianggap sebagai penerimaan Pelanggan terhadap Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat tambahan tersebut (jika ada) seperti mana ditetapkan oleh HLB/HLISB (tertakluk pada patuh Syariah bagi Akaun Perbankan Islam).

29.4 Jika terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan terma dan syarat bagi mana-mana perkhidmatan perbankan elektronik, telefon dan/atau internet yang disediakan oleh HLB/HLISB, maka terma dan syarat bagi perkhidmatan perbankan elektronik, telefon dan/atau internet itu akan diutamakan hanya setakat percanggahan tersebut.

30. Undang-undang & Bidang Kuasa

Terma dan Syarat ini adalah tertakluk pada dan ditafsirkan dalam semua segi menurut undang-undang Malaysia tetapi dalam menguatkuasakan hak-haknya, HLB/HLISB adalah bebas untuk memulakan dan mengambil tindakan atau prosiding atau sebaliknya terhadap Pelanggan dan mana-mana pihak dalam Malaysia dan/atau negara lain jika didapati wajar oleh HLB/HLISB. Pelanggan bersetuju bahawa apabila apa-apa tindakan atau prosiding diambil di Malaysia, pihaknya akan akur kepada bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia dalam segala hal yang berkaitan dengan obligasi dan liabilitinya di bawah atau berbangkit daripada Akaun dan Terma dan Syarat ini.

31. Terma & Syarat Mengganti

Terma & Syarat ini menggantikan semua aturan dan peraturan terdahulu dan/atau terma dan syarat terdahulu mengenai Akaun.

32. Cagaran dan Penafian

Terma & Syarat ini mengandungi keperluan/arahan kepada Pelanggan berkenaan dengan keselamatan akaun, instrumen berkaitan akaun dan rekod-rekod mereka. Jika apa-apa terma/keperluan/arahan nyata dalam Terma dan Syarat ini **TIDAK** dipatuhi oleh Pelanggan, maka HLB/HLISB akan terlepas daripada segala liabiliti berkaitan dengan hal yang sama. Pelanggan memahami jika akses kepada akaun dipermudahkan oleh Pelanggan kepada pelbagai pihak-pihak lain, maka Pelanggan perlu menangani keperluan untuk langkah perlindungan dalaman dan pemeriksaan penyata akaun seperti mana dinyatakan di dalam ini.

33. Tanggungjawab dan Obligasi Sekuriti Pelanggan

(a) Ia adalah tanggungjawab Pelanggan untuk menjaga Akaun mereka daripada penggunaan tanpa kebenaran dan penipuan. Oleh itu, Pelanggan bersetuju untuk bertanggungjawab bagi memastikan langkah-langkah pencegahan berikut telah diambil, termasuklah tetapi tidak terhad kepada:
   (i) tidak menyalahgunakan, menjalakan aktiviti haram, aktiviti penipuan melalui Akaun; dan
   (ii) tidak membenarkan Akaun untuk digunakan oleh pihak ketiga atau orang yang tidak dikenali.

(b) HLB/HLISB berhak untuk membatalkan sementara, menggantung atau menghalang akses Pelanggan kepada Akaun dan/atau penggunaan Akaun Pelanggan sehingga pengesahan lanjut sekiranya kami mengesan kebarangkalian akses tanpa kebenaran dan HLB/HLISB akan memaklumkan Pelanggan secepat yang boleh, tertakluk pada sekatan undang-undang dan/atau kawal selia. Setelah pengesahan berjaya, akses Pelanggan kepada Akaun akan dikembalikan semula.

34. Penting: Sila ambil perhatian bahawa kegagalan Pelanggan untuk mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam mana-mana bahagian Terma & Syarat ini akan melepaskan HLB/HLISB daripada segala liabiliti.

35. Pelanggan perlu maklum akan apa-apa sekatan yang dikenakan oleh negara/organisasi dimana jua mereka ingin menyalurkan atau menerima dana. Jika ada dana/dokumen/transaksi yang bertangguh/disekat/ditahan akibat transaksi tersebut, maka HLB/HLISB **TIDAK** akan bertanggungjawab terhadap kelewatan/sekatan/penahanan tersebut.

BAHAGIAN B – AKAUN SIMPANAN KONVENSIONAL

1. Akaun simpanan adalah untuk individu, pertubuhan dan persatuan. Keempunyaan tunggal, perkongsian tak diperbadankan, perkongsian liabiliti terhad, syarikat, organisasi dan badan berkanun **TIDAK** dibenarkan membuka akaun simpanan.

2. Pelanggan ditawarkan pilihan sama ada buku akaun atau penyata ketika membuka akaun simpanan.

3. Jika Pelanggan memilih buku akaun:
   (a) Pelanggan bertanggungjawab memastikan buku akaun disimpan di tempat yang berkunci pada setiap masa. Pelanggan bertanggungjawab memastikan segala catatan/entri dalam buku akaun adalah betul sebelum meninggalkan premis HLB, jika tidak Pelanggan akan dianggap telah setuju menerima segala catatan/entri di dalamnya.
   (b) Pelanggan hendaklah segera memberitahu HLB sekiranya buku akaun hilang, dicuri atau rosak. HLB akan menutup Akaun dan baki yang ada dalam kredit Akaun boleh dikeluarkan oleh Pelanggan atau dipindahkan kepada akaun baharu mengikut pilihan Pelanggan setelah surat tanggung rugi (indemniti) dibuat oleh Pelanggan dan bagi pemegang akaun bersama, oleh semua pemegang akaun dan setelah pembayaran caj perkhidmatan dijelaskan pada kadar yang dinyatakan dalam laman web HLB di www.hlb.com.my. Sekiranya salah seorang Pemegang Akaun melaporkan kehilangan / kecurian atau kerosakan buku akaun, maka Akaun itu tidak boleh digunakan / ditutup sehinggalah semua pemegang akaun membuat surat tanggung rugi (indemniti) berpihak kepada HLB dan menjelaskan caj perkhidmatan berkenaan.

4. Jika Pelanggan memilih penyata, maka penyata akaun simpanan akan dikeluarkan setiap bulan atau pada tempoh masa yang ditentukan oleh HLB dan dimaklumkan kepada Pelanggan. Pelanggan mestilah memeriksa semua catatan/entri dalam penyata akaun itu, atau dalam hal Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, memeriksa Penyata Akaun Online, dan segera melaporkan kepada HLB apa-apa kesilapan yang didapati di dalamnya. Jika Pelanggan tidak, dalam masa **empat belas (14)** hari (atau tempoh masa lain yang ditentukan oleh HLB dalam penyata / notis / Penyata Akaun Online) setelah menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata dalam Penyata Akaun Online, membantah apa-apa catatan/entri di dalamnya, Pelanggan akan dianggap setuju menerima catatan/entri yang dibuat sehingga tarikh catatan/entri akhir dalam penyata akaun / Penyata Akaun Online, seperti contoh Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, sebagai betul dan melepaskan HLB daripada segala liabiliti.

5. Apa-apa bayaran yang dibuat oleh HLB kepada seseorang yang menunjukkan buku akaun (jika buku akaun dikeluarkan) dan slip pengeluaran yang dikatakan telah ditandatangani Pelanggan akan mempunyai kesan yang sama seolah-olah dibayar kepada Pelanggan sendiri dan melepaskan HLB dan pekerja-pekerjanya daripada segala liabiliti terhadap Pelanggan atau sesiapa jua dengan syarat HLB telah mengesahkan autoriti orang tersebut selaras dengan prosedur operasi standard HLB.

6. Semua transaksi berhubung dengan akaun simpanan boleh dilakukan di mana-mana cawangan HLB. Jika demikian, maka HLB berhak meminta tanda pengenalan tambahan.

7. Faedah atas baki kredit akan dibenarkan pada kadar semasa HLB dan akan dikira atas dasar baki harian atau apa-apa kaedah pengiraan yang ditentukan oleh HLB atas budi bicara mutlaknya dari semasa ke semasa setelah memberi notis awal. Faedah yang diperoleh akan dikreditkan pada tempoh masa yang ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa.

8. Akaun simpanan akan dianggap telah ditutup apabila Pelanggan mengeluarkan kesemua baki yang ada dalam akaun simpanan.

BAHAGIAN C – AKAUN SEMASA KONVENSIONAL

1. Permohonan buku cek hendaklah dibuat menggunakan borang ditetapkan HLB atau apa apa kaedah lain yang ditetapkan oleh HLB. Cek **TIDAK** boleh ditunaikan dari HLB melainkan dari yang dibekalkan oleh HLB bernombor akaun dari akaun semasa. Pelanggan yang ingin mengeluarkan wang tunai boleh berbuat demikian setelah mendapat izin HLB terlebih dahulu dengan menggunakan cek ditetapkan, slip pengeluaran ditetapkan atau apa-apa instrumen atau borang lain sebagaimana ditetapkan oleh HLB.

2. Pelanggan hendaklah berhati-hati dan cermat ketika menulis cek untuk mengelakkan penipuan. HLB berhak tak layan dan memulangkan cek jika tandatangan Pelanggan berbeza daripada contoh yang diberi kepada HLB. Apa jua pindaan pada cek tidak dibenarkan. HLB berhak tak layan dan memulangkan cek yang menurut pendapat mutlak HLB menunjukkan sesuatu bentuk pindaan (walaupun ada tandatangan balas Pelanggan / penyuruh bayar atau sebaliknya) ataupun HLB ada sebab untuk meragui kesahihan pengenalan atau kejelasan cap jari Pelanggan atau autoriti pada cek. Pelanggan **TIDAK** boleh menurunkan apa-apa cop getah / meterai pada cek kerana ini boleh mengakibatkan cek ditolak semasa proses penjelasan cek.

3. (a) Pelanggan hendaklah bertanggungjawab memastikan buku cek sentiasa disimpan di tempat berkunci. Pelanggan hendaklah segera memberitahu HLB sekiranya buku cek atau helaian cek didapati hilang, lesap, kena curi atau musnah. HLB **TIDAK** akan bertanggungan atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan yang dialami Pelanggan jika disebabkan kecuaian atau pengabaiannya seseorang yang tidak berkebenaran menjumpai buku cek atau helaian cek lalu dengan cara tipu mendapat bayaran dari jumlah wang kepunyaan Pelanggan.
   (b) HLB boleh atas permintaan Pelanggan mengeluarkan buku cek setelah selesai membuat surat indemniti (tanggung rugi) dan bagi akaun bersama oleh semua Pelanggan bersama dan setelah menjelaskan caj perkhidmatan. Apabila sahaja buku cek baharu dikeluarkan, maka buku cek yang asal menjadi tidak sah dan jika dijumpai atau diperoleh kembali mestilah segera dipulangkan kepada HLB.
   (c) Pelanggan mestilah memastikan isi buku cek itu betul sebelum meninggalkan premis HLB. Jika tidak, HLB akan terlepas daripada segala liabiliti.

4. Pelanggan hendaklah menggunakan borang ditetapkan HLB semasa mendepositkan cek dan wang. Pelanggan mestilah menyemak dan memastikan kaunterfoil mempunyai pengendorsan oleh mesin teller HLB atau oleh pegawai HLB sebelum meninggalkan premis HLB. Kaunterfoil hanyalah sah sebagai akuan penerimaan jika mempunyai pengendorsan. Jika tidak, HLB akan terlepas daripada segala liabiliti.

5. Cek dan apa-apa instrumen kewangan lain yang dibayar ke dalam Akaun dan kemudiannya tak layan boleh dipulangkan dengan tangan atau pos atau apa-apa cara lain yang ditentukan oleh HLB menurut budi bicara mutlaknya kepada Pelanggan di alamat yang terakhir berdaftar dengan HLB atas kos dan perbelanjaan Pelanggan dan atas risiko Pelanggan sendiri.

6. Pelanggan bersetuju dan berjanji akan membayar balik kepada HLB di atas permintaan bertulis daripada HLB, sebagai jurubank pemungut, segala kerugian, kos dan caj yang ditanggung oleh HLB kerana menjamin apa-apa pengendorsan atau pelepasan, pada mana-mana cek, bil, nota, draf, waran dividen atau apa-apa instrumen lain yang dikemukakan untuk pungutan dan setiap jaminan tersebut yang diberi oleh HLB hendaklah dianggap telah diberi atas pemintaan nyata Pelanggan dalam setiap kes.

7. Jika HLB menerima atau menanggung liabiliti bagi atau atas pemintaan Pelanggan, apa-apa dana atau cagaran dan benda-bena berharga disimpan dengan HLB kepunyaan Pelanggan dan dalam tangan HLB hendaklah secara automatik menjadi cagaran kepada HLB dan HLB akan berhak menahan dana tersebut atau apa-apa bahagiannya dan bahkan tak layan cek Pelanggan sehingga liabiliti diselesaikan.

8. Overdraf hanya boleh diberi setelah perkiraan yang sewajarnya dibuat dengan HLB. Faedah akan dikenakan setiap bulan berdasarkan baki terlebih keluar harian pada kadar yang diluluskan oleh HLB, atau pada tempoh kekerapan/rehat yang akan ditentukan oleh HLB.

9. HLB hanya akan menghentikan bayaran atas mana-mana cek yang dikeluarkan setelah menerima arahan daripada pelanggan sama ada secara bertulis atau menerusi apa-apa

perkhidmatan lain yang disediakan oleh HLB dan HLB **TIDAK** akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian atau ganti rugi disebabkan oleh kelalaian Pelanggan. HLB diberi kuasa untuk layan/lunas serta mematuhi semua cek, draf, perintah untuk bayar, bil pertukaran dan nota janji yang dinyatakan untuk ditunaikan, ditandatangani, diterima, diendors atau dibuat bagi pihak Pelanggan sama ada akaun semasa itu berkedudukan kredit atau debit atau mungkin menjadi terlebih keluar sebagai akibatnya atau sebaliknya tetapi tanpa menjejaskan hak HLB untuk menolak atau membenarkan sebarang overdraf atau menaikkan had overdraf melebihi had overdraf yang ditentukan dari semasa ke semasa. Apabila kedudukan debit atau keadaan terlebih keluar atau tak diatur lebih dahulu itu berbangkit, maka Pelanggan akan bertanggungan terhadap segala jumlah wang tersebut.

10. Apabila kedudukan debit atau keadaan terlebih pengeluaran yang tidak diatur terjadi di dalam akaun semasa, maka Pemegang Akaun akan bertanggungjawab untuk membayar segala jumlah wang yang terlebih keluar serta faedah yang dikenakan iaitu 4.0% setahun melebihi BLR pada baki harian atas baki yang terlebih keluar.

11. Jika berkenaan, caj perkhidmatan atas akaun semasa dan faedah atas baki kredit akan dikira selaras dengan peraturan ABM atau HLB.

12. Penyata akaun semasa akan dikeluarkan sebulan sekali atau pada tempoh masa yang ditentukan oleh HLB. Pelanggan mestilah memeriksa segala catatan/entri dalam penyata akaun, atau dalam hal Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, Penyata Akaun Online, dan segera melaporkan kepada HLB jika didapati ada kesilapan atau percanggahan di dalamnya. Jika Pelanggan tidak, dalam masa **empat belas (14)** hari (atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh HLB dalam penyata/notis/Penyata Akaun Online) selepas menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata dalam Penyata Akaun Online, membantah apa-apa catatan/entri di dalamnya, maka Pelanggan akan dianggap telah menerima catatan/entri itu yang dibuat hingga tarikh catatan/entri akhir dalam penyata akaun/Penyata Akaun Online, seperti contoh Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, sebagai betul dan membebaskan HLB daripada segala liabiliti.

13. Penyata baki berakhir 30 Jun dan 31 Disember atau apa-apa tempoh/tarikh yang ditentukan oleh HLB akan dihantar kepada Pelanggan berkenaan yang akan diminta mengesahkan penyata itu dengan mengembalikan slip pengesahan yang telah siap ditandatangani untuk tujuan audit. Jika tiada sebarang bantahan terhadap penyata dalam masa **empat belas (14)** hari (atau apa-apa tempoh lain yang dinyatakan oleh HLB dalam penyata atau notis) setelah Pelanggan menerimanya, maka akaun semasa itu akan dianggap telah disahkan.

BAHAGIAN D – AKAUN DEPOSIT TETAP KONVENSIONAL

1. Peletakan Deposit Tetap boleh dibuat mengikut amaun minima dalam Ringgit Malaysia yang ditetapkan bagi tempoh masa yang ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa setelah memberi notis awal.

2. Penyata akaun deposit tetap akan dikeluarkan setiap bulan atau pada tempoh masa tertentu dan boleh dikeluarkan secara elektronik atau melalui cara yang ditentukan oleh HLB. Pelanggan mestilah memeriksa semua catatan dalam penyata akaun, atau dalam hal Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, Penyata Akaun Online, melaporkan kepada HLB jika ada apa-apa kesilapan atau percanggahan dengan segera. Jika Pelanggan tidak, dalam masa **empat belas (14)** hari kalendar (atau tempoh lain (jika aka) seperti yang tertera dalam penyata akaun/notis/Penyata Akaun Online) setelah menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata dalam Penyata Akaun Online, membantah apa-apa catatan, maka Pelanggan akan dianggap telah menerima catatan sehingga tarikh penyata akaun/Penyata Akaun Online, ataupun Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, sebagai betul dan membebaskan HLB daripada segala liabiliti.

3. Tertakluk pada Fasal D (1) di atas, tempoh masa yang diterima bagi peletakan Deposit Tetap adalah bagi tempoh **satu (1)** bulan dan dalam gandaan **satu (1)** bulan darinya sehingga sebarang

tempoh masa atau gandaan lain yang ditentukan oleh HLB atau BNM atau mana-mana pihak berkuasa lain. Penerimaan dan/atau pembaharuan peletakan tersebut, atas tempoh dan kadar faedah yang disebut bagi Deposit Tetap adalah semata-mata atas budi bicara mutlak HLB. Jika cek didepositkan bagi sesuatu peletakan, maka peletakan Deposit Tetap adalah tertakluk kepada penjelasan cek.

4. Bagi pengeluaran Deposit Tetap, Resit Deposit Tetap (apabila resit deposit tetap dikeluarkan) mestilah ditampilkan, siap disahkan oleh Pelanggan atau pengesahan pengenalan dilaksanakan melalui pengesahan cap jari menggunakan Pembaca MyKad atau apa-apa peranti lain yang digunakan oleh HLB.

5. Berkuat kuasa 27 September 2018, pengeluaran sebahagian dalam gandaan **Satu Ribu Ringgit Malaysia (RM1,000)** dibenarkan semasa tempoh Deposit Tetap, tertakluk pada baki minimum **Lima Ribu Ringgit Malaysia (RM5,000)** sahaja, dikekalkan dalam Deposit Tetap sehingga tarikh matang Deposit Tetap. HLB berhak meminda nilai atau kuantum pengeluaran dan / atau baki minimum untuk dikekalkan di bawah ini pada bila-bila masa setelah memberi notis kepada Pelanggan.

6. Pengeluaran sebahagian Deposit Tetap di mana bakinya kurang daripada **Lima Ribu Ringgit Malaysia (RM5,000)** dan bawah **TIDAK** dibenarkan. Pengeluaran Deposit Tetap sedemikian akan dianggap pengeluaran pramatang bagi ***seluruh*** Deposit Tetap selaras dengan **Klausa 7 Bahagian D** di bawah.

Faedah dan Pengeluaran

7. Tiada faedah akan dibayar untuk amaun pengeluaran sebahagian dan/atau pengeluaran pramatang Deposit Tetap, tanpa mengira bilangan bulan lengkap pada masa pengeluaran sebahagian/pramatang dibuat.

8. Sekiranya faedah telah dibayar pada Pelanggan sebelum tarikh matang dan Pelanggan membuat pengeluaran pramatang, HLB berhak memotong dan mendebit amaun setara dengan faedah yang telah dibayar daripada amaun pokok Deposit Tetap, semasa pengeluaran dilakukan.

9. Berkuatkuasa pada 12 Jun 2021 ("**Tarikh Berkuatkuasa**"), tiada lagi pengkreditan faedah secara interim iaitu setiap bulan atau setiap enam bulan ("**Peraturan Baharu**").

- Untuk semua Deposit Tetap yang baharu, faedah akan, atas pilihan Pelanggan yang diberitahu semasa peletakan Deposit Tetap:
  (a) dikreditkan ke dalam Akaun Semasa atau Simpanan di bawah nama dan syarat tandatangan yang sama dengan Akaun Deposit Tetap hanya pada tarikh matang Deposit Tetap tersebut; atau
  (b) ditambah pada amaun pokok Deposit Tetap pada tarikh matang.

.

- Untuk peletakan Deposit Tetap sebelum Tarikh Berkuatkuasa, faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa atau Simpanan pada setiap bulan atau enam bulan hingga akhir tempoh Deposit Tetap tersebut**. Sekiranya Deposit Tetap diperbaharui, sama ada secara manual atau secara automatik pada tarikh matang, Peraturan Baharu akan terpakai.

Ilustrasi:
Deposit Tetap yang diletak sebelum Tarikh Berkuatkuasa untuk tempoh 60 bulan dengan, tarikh matang pada 31 Ogos 2026, akan menikmati pengkreditan faedah setiap bulan. Setelah matang, Deposit Tetap tersebut akan diperbaharui selama 60 bulan dan pembayaran faedah akan dibuat setelah mencapai tempoh 60 bulan.

10. Untuk peletakan Deposit Tetap dengan cetakan resit Deposit Tetap, Pelanggan mesti membawa cetakan asal Deposit Tetap dan mengesah identiti menggunakan biometrik ataupun cara lain yang ditentukan oleh HLB untuk pengeluaran Deposit Tetap tersebut,

11. Sekiranya salah seorang pemegang akaun bersama melaporkan Resit Deposit Tetap (apabila resit deposit tetap dikeluarkan) kehilangan / kecurian atau kerosakan, maka resit gantian **TIDAK** akan dikeluarkan sehinggalah semua pemegang akaun bersama membuat surat indemniti/tanggung rugi berpihak kepada HLB dan menjelaskan caj perkhidmatan berkaitan kepada HLB pada kadar yang dinyatakan dalam laman web HLB di www.hlb.com.my.

12. Semua faedah dan/atau pengeluaran amaun pokok (sebahagian atau keseluruhan) Deposit Tetap mesti dikredit ke dalam Akaun Semasa atau Simpanan/-i HLB yang diperuntukkan oleh Pelanggan.

Deposit Tetap Tanpa Resit (MELALUI KAUNTER)

13. Berkuat kuasa 26 Ogos 2019, tiada Resit Deposit Tetap akan dikeluarkan bagi semua Deposit Tetap yang diletak dengan HLB. Suatu makluman transaksi akan dikeluarkan bagi setiap peletakan Deposit Tetap. Slip makluman itu akan memaparkan tandatangan penandatangan sah HLB. Slip makluman ini **BUKAN** dokumen hak milik dan hanya berfungsi sebagai bukti peletakan Deposit Tetap. Dokumen itu juga tak boleh niaga, tak boleh pindah milik dan tak boleh serah hak.

14. Penyata akan dikeluarkan secara elektronik kepada Pelanggan setiap bulan atau apa-apa cara yang ditentukan oleh HLB ("**e-Penyata Bulanan**") dan boleh diperoleh Pelanggan melalui kemudahan hantaran e-Penyata HLB.
15. Pelanggan dikehendaki mendaftar untuk Kemudahan e-Penyata menerusi HLB Connect atau menerusi mana-mana cawangan HLB untuk mendapat e-Penyata Bulanan.

BAHAGIAN E – AKAUN HONG LEONG ONE

Perhatian: Bahagian E hanya terpakai kepada Akaun Hong Leong One dibuka sebelum 23 November 2015

1. Akaun Hong Leong One merupakan akaun semasa yang faedah diperoleh atas baki kredit dan yang juga berfungsi sebagai kemudahan overdraf ("**OD**") yang bercagarkan Deposit Tetap yang diletak oleh Pelanggan dengan HLB pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa.

2. Akaun Hong Leong One adalah untuk individu, sama ada persendirian atau atas nama bersama. Keempunyaan tunggal, perkongsian tak diperbadankan, perkongsian liabiiti terhad, firma, pertubuhan, persatuan, perbadanan, institusi dan entiti peniagaan lain **TIDAK** layak membuka atau mengendalikan akaun sedemikian.

3. Pengendalian Akaun Hong Leong One
   (a) OD hanya boleh didapati jika dibenarkan oleh HLB dan bercagarkan Deposit Tetap. Had OD yang terdapat untuk digunakan adalah sepadan dengan jumlah wang pokok Deposit Tetap yang diletak (dengan syarat Deposit Tetap **TIDAK** diletak untuk apa-apa tujuan lain).
   (b) Peletakan Deposit Tetap adalah tertakluk kepada Terma & Syarat bagi Akaun Deposit Tetap seperti tertera dalam Terma & Syarat ini.
   (c) Terma & Syarat yang terpakai kepada akaun semasa dan Overdraf seperti tertera dalam Terma & Syarat ini terpakai kepada Akaun Hong Leong One.

4. Peletakan Deposit Tetap dan OD
   (a) Deposit Tetap yang diletak mestilah atas nama Pelanggan sebelum OD itu tersedia untuk digunakan. Pelanggan memberi representasi dan waranti bahawa Pelanggan adalah pemunya tunggal dan benefisial Deposit Tetap dan Deposit Tetap adalah bebas daripada sebarang gadai janji, perkiraan cagaran atau faedah cagaran apa pun jenisnya. Pelanggan tidak akan:
      (i) menarik balik, menyerah hak, memindah milik atau mewujudkan amanah berkenaan Deposit Tetap atau sebaliknya membuat apa-apa perkiraan dengan mana-mana orang yang dengannya seluruh atau mana-mana bahagian Deposit Tetap atau apa-apa kelayakan daripadanya akan terjejas dengan apa-apa cara;
      (ii) mewujudkan, cuba mewujudkan atau membenarkan terus berlakunya apa-apa gadai janji, perkiraan cagaran atau faedah cagaran ke atas Deposit Tetap atau mana-mana bahagiannya. Faedah atau bayaran lain apa pun terbit daripada atau terakru bagi Deposit

Tetap **TIDAK** boleh dikeluarkan dan hendaklah dicampurkan dan menjadi bahagian daripada Deposit Tetap.

(b) Pelanggan membenarkan HLB untuk memperbaharui dan terus memperbaharui dari semasa ke semasa dan mengekalkan Deposit Tetap atau mana-mana bahagiannya pada tarikh matang untuk suatu tempoh yang sepadan dengan tempoh tetap tersebut atau untuk tempoh sedemikian dan pada kadar faedah tersebut yang didapati wajar oleh HLB atas budi bicara mutlaknya selagi Akaun Hong Leong One diselenggara oleh Pelanggan dan sehingga penyelesaian penuh dan muktamad akan segala jumlah wang yang terhutang termasuk faedah dan faedah ingkar pada kadar dan pada tempoh rehat sedemikian yang dikenakan atau disyaratkan dari semasa ke semasa sama ada berkenaan Akaun Hong Leong One atau apa-apa Akaun lain.

(c) Deposit Tetap hendaklah dan dengan ini dicagarkan kepada HLB melalui gadaian tetap pertama sebagai cagaran bagi segala jumlah wang yang terhutang di bawah OD dan menurut Terma & Syarat ini.

(d) HLB berhak dan boleh pada bila-bila masa menolak-selesai Deposit Tetap terhadap jumlah wang yang dihutang oleh Pelanggan di bawah Akaun Hong Leong One dan apa-apa liabiliti Pelanggan seperti tertera dalam Terma & Syarat ini di samping sebarang tolak-selesai lain, lien am yang lain atau hak serupa yang HLB mungkin berhak dari segi undang-undang dan/atau ekuiti.

(e) Deposit Tetap dan/atau apa-apa cagaran lain yang diperoleh HLB dari semasa ke semasa dipegang oleh HLB:-

(i) sebagai cagaran bagi segala wang yang terhutang di bawah OD dan bagi Pelanggan melaksanakan segala obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini;

(ii) sebagai menyambung cagaran bagi apa-apa jumlah wang belum lunas yang dihutang oleh Pelanggan kepada HLB atas Akaun atau apa-apa akaun lain yang dipegang dengan HLB tanpa mengesampingkan apa-apa bayaran perantaraan atau penyelesaian akaun bagi membayar apa-apa jumlah wang yang terhutang dan tanpa menjejaskan apa-apa cagaran lain yang mungkin didapati sekarang atau kemudian.

5. **Faedah Bonus**

(a) Pelanggan ("**Pemegang Kad Debit**") yang telah dikeluarkan kad debit oleh HLB ("**Kad Debit**") diberikan kadar faedah (**"Bunga Bonus"**) atas baki Akaun Hong Leong One sekiranya mereka menggunakan Kad Debit untuk Transaksi Belian Runcit. "Transaksi Belian Runcit" bermaksud transaksi yang dilakukan pada Kad Debit di pedagang yang sah di mana Kad Debit diterima untuk pembayaran di dalam dan luar negara termasuk pembelian dalam talian, tambah nilai automatik Touch 'n Go, pembelian petrol dan pembelian lain-lain yang dilakukan di kios petrol, transaksi bil automatik / berulang dan tidak termasuk pengeluaran tunai, pemindahan dana, pembayaran yuran tahunan dan perkhidmatan/yuran lain-lain seperti yang ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa dengan notis awal.

(b) Transaksi Belian Runcit minimum untuk layak mendapat Faedah Bonus **Tiga Puluh Ringgit Malaysia (RM30)** dalam satu resit ("**Transaksi Layak**").

(c) Pemberian Faedah Bonus adalah berdasarkan bilangan Transaksi Layak terkumpul bagi sesuatu bulan seperti berikut:

Bilangan leret sebulan	Faedah Bonus setahun
1	0.12%
2	0.24%
3	0.36%
4	0.48%
5 dan lebih	0.60%

(d) Transaksi Layak mestilah berjaya dicatatkan dalam sistem HLB dan apa-apa pembalikan Transaksi Belian Runcit hilang kelayakan mendapat Faedah Bonus.

(e) Tarikh pencatatan Transaksi Layak akan digunakan untuk mengira bilangan leretan setiap bulan kalendar.

(f) Bagi mengelakkan keraguan, jika tarikh dan masa Transaksi Layak yang dicatatkan dalam sistem berbeza daripada tindakan Pemegang Kad Debit, maka tarikh dan masa yang dirakamkan dalam sistem HLB akan diutamakan.

(g) Faedah Bonus dikira setiap bulan berdasarkan Baki Purata Bulanan ("**MAB**") dan dikreditkan pada haribulan **pertama (1)** bulan berikutnya.

Faedah Bonus = MAB x Masa (T) x Kadar (R)

Nota:
MAB = Jumlah baki penutup / Jumlah bilangan hari dalam bulan
Masa (T) = Bilangan hari dalam bulan/ Bilangan hari dalam tahun (cth. 365 hari)
Kadar (R) = Faedah Bonus berdasarkan bilangan Transaksi Layak

(h) Pemberian Faedah Bonus Maksimum kepada Pemegang Kad Debit dihadkan setakat **tiga puluh Ringgit Malaysia (RM30)** sebulan.

(i) Faedah Bonus tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana **pihak ketiga (ke-3)** dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.

6. Terma dan Syarat ini adalah tambahan kepada Terma dan Syarat bagi setiap jenis produk/akaun yang tertera dalam Penyata Disatukan. Sekiranya terdapat percanggahan, ketaksaan atau pertikaian dalam tafsiran Terma dan Syarat ini serta Terma dan Syarat tersebut bagi setiap produk/akaun, maka Terma dan Syarat tersebut bagi setiap produk/akaun akan diutamakan.

BAHAGIAN F – OVERDRAF/Cashline ("OD" / Cashline")

1. Kemudahan OD/Cashline dan had OD/Cash yang disediakan kepada Pelanggan adalah semata-mata atas budi bicara mutlak HLB/HLISB. Walaupun ada peruntukan-peruntukan lain dalam Bahagian E, F atau di mana-mana dalam Terma dan Syarat ini, namun HLB/HLISB boleh atas budi bicara mutlaknya mengurangkan atau mengubah had OD/Cashline yang disediakan kepada Pelanggan pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa setelah memberi notis awal. Pelanggan akan memastikan bahawa had OD/Cashline **TIDAK** dilebihi pada bila-bila masa.

2. Kemudahan OD/Cashline boleh disediakan kepada Pelanggan berserta dengan atau tanpa cagaran dan tertakluk kepada apa-apa syarat lain yang boleh dikenakan oleh HLB/HLISB. Selain daripada apa-apa peruntukan lain di dalam ini, kemudahan OD/Cashline boleh dibayar balik/kena dibayar apabila dituntut.

3. **Faedah Kena Bayar atas OD**
   (a) Faedah akan dikenakan atas penggunaan OD pada Kadar Ditetapkan.
   (b) Faedah pada Kadar Lebihan akan dikenakan atas segala amaun yang dikeluarkan melebihi had overdraf diluluskan (sebelum dan selepas tuntutan, penghakiman atau perintah).
   (c) Apa-apa faedah belum bayar atas apa-apa amaun yang dikeluarkan atau kena bayar, mengikut mana yang berkenaan di bawah Akaun termasuk faedah dimodalkan dan faedah ingkar hendaklah pada akhir setiap bulan kalendar dimodalkan dan dicampur kepada jumlah wang pokok yang dihutang ketika itu dan akan selepas itu dikenakan faedah pada Kadar Ditetapkan.
   (d) Faedah tambahan pada Kadar Ingkar akan dikenakan pada bila-bila masa sebagai ganti rugi jumlah tertentu yang dipersetujui atas jumlah wang pokok atau faedah (termasuk faedah dimodalkan dan faedah ingkar) dan segala wang lain yang kena bayar dan terhutang di bawah Akaun dikira dari tarikh wang tersebut kena bayar sehinggalah tarikh penyelesaian penuh.
   (e) HLB boleh atas budi bicara mutlaknya mengubah SBR atau Kadar Rujukan yang berkenaan, kadar faedah yang dikenakan di atas SBR (termasuk Kadar Ingkar atau Kadar Lebihan) atau apa-apa caj lain dari semasa ke semasa setelah memberi notis awal dan pengubahan itu akan berkuat kuasa dari tarikh yang ditetapkan dalam notis HLB dan jika tiada tarikh disebut, dari tarikh notis. Notis HLB tentang pengubahan itu boleh dibuat dalam apa-apa bentuk atau

cara. Keputusan HLB tentang pengubahan kadar tersebut di atas dan tarikh berkuat kuasanya pengubahan tersebut adalah terakhir dan muktamad.

(f) Jika dikehendaki HLB, Pelanggan hendaklah mengekalkan berkenaan Deposit Tetap atau apa-apa cagaran lain yang disediakan, suatu margin cagaran berkait dengan jumlah wang belum lunas/terhutang seperti dikehendaki HLB dari semasa ke semasa dengan mendepositkan dan menggadai janji, apabila diminta oleh HLB, sejumlah wang tambahan (yang akan menjadi sebahagian Deposit Tetap) dan/atau penyediaan apa-apa cagaran lain yang boleh diterima oleh HLB. Pelanggan hendaklah membuat apa-apa dokumen atau instrumen lain dan melakukan sesuatu yang dikehendaki HLB untuk menyempurnakan gadaian tersebut ke atas apa-apa cagaran yang sedia ada atau baharu.

4. **Keuntungan Kena Bayar atas Cashline**

(a) Bagi kemudahan cashline HLISB, keuntungan akan dikenakan berasaskan baki harian. Pelanggan **TIDAK** boleh guna melebihi had penggunaan yang diluluskan. Jika Pelanggan telah menarik keluar atau menggunakan jumlah wang melebihi had penggunaan diluluskan, akaun itu mestilah dikembalikan seperti biasa pada hari berikutnya atau apabila luputnya tempoh lebihan sementara diluluskan. Jika akaun menjadi berlebihan disebabkan program pengurangan had penggunaan diluluskan berkala atau disebabkan had penggunaan diluluskan telah luput, maka kadar caj pampasan **TIDAK** lebih daripada kadar Pasaran Wang Antara Bank Islam semalaman harian semasa Bank Negara Malaysia ("I**IMM**") akan diguna pakai.

(b) Jika dikehendaki HLISB, Pelanggan hendaklah mengekalkan bagi Deposit Tetap-i atau apa-apa cagaran lain yang disediakan suatu margin cagaran berkait dengan sejumlah wang belum lunas/terhutang seperti yang dari semasa ke semasa dikehendaki HLISB dengan mendepositkan dan mengecaj, apabila diminta oleh HLISB sejumlah wang tambahan (yang akan menjadi sebahagian Deposit Tetap-i) dan/atau penyediaan apa-apa cagaran lain yang boleh diterima oleh HLISB. Pelanggan hendaklah membuat apa-apa dokumen atau instrumen lain dan melakukan sesuatu yang dikehendaki HLISB bagi menyempurnakan caj-caj tersebut ke atas cagaran sedia ada atau baharu.

5. **Penyata Akaun**

Penyata Akaun atau perakuan yang dikeluarkan oleh HLB/HLISB dan perakuan jualan elektronik bagi Cashline yang dikeluarkan oleh HLISB adalah bukti terakhir dan muktamad akan hutang-piutang Pelanggan di bawah OD/Cashline.

6. **Kajian Semula Berkala**

HLB/HLISB berhak mengkaji semula OD/Cashline pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tanpa mengira sama ada Peristiwa Keingkaran telah berlaku atau **TIDAK** dan tiada apa-apa dalam Terma dan Syarat ini akan dianggap telah meletakkan obligasi ke atas HLB/HLISB sama ada dari segi undang-undang atau ekuiti untuk mengadakan atau berterusan mengadakan OD/Cashline kepada Pelanggan.

7. Peristiwa Keingkaran

7.1. Tanpa mengesampingkan hak HLB / HLISB untuk memanggil balik segala wang yang terhutang di bawah OD/Cashline atas permintaan, segala wang, faedah/keuntungan terakru daripadanya dan jumlah wang lain yang buat masa ini terhutang atau masih belum berbayar oleh Pelanggan di bawah OD/Cashline akan juga genap masanya dan boleh bayar balik/kena bayar segera oleh Pelanggan kepada HLB/HLISB dan HLB/HLISB akan berhak mendapatkannya kembali berserta dengan faedah/keuntungan daripadanya pada Kadar Ingkar/kadar dipersetujui, setelah memberi notis awal kepada atau dengan persetujuan di pihak Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran apabila berlakunya salah satu peristiwa berikut:

a) Jika Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran gagal membayar apa-apa wang sama ada wang pokok atau faedah/keuntungan kena dibayar kepada HLB/HLISB atau gagal menunaikan apa-apa aku janji, perjanjian, atau melanggar apa-apa representasi atau warantinya atau mana-mana Terma dan Syarat ini; atau

b) Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran disenaraihitamkan disebabkan oleh cek tak laku; atau

c) Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran, atau mana-mana syarikat berkaitan (menurut kuasa seksyen 7 Akta Syarikat Act 2016) atau pemegang syer substantial (di bawah seksyen 136 Akta Syarikat 2016) bagi Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran, ingkar di bawah

akaun dengan HLB/HLISB atau mana-mana institusi kewangan lain atau jika akaun mana-mana pihak lain yang mana Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran adalah penjamin melakukan keingkaran atau jika ada prosiding pendakwaan, litigasi, timbangtara atau pentadbiran atau kebankrapan atau penggulungan diambil atau diancam terhadap Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran yang mungkin memberi kesan secara material kepada kesolvenannya atau mereka ataupun mencacatkan atau menjejaskan keupayaannya/mereka untuk menunaikan obligasinya/mereka di bawah Terma & Syarat ini; atau

d) Jika Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran melakukan perbuatan kebankrapan atau membuat komposisi atau perkiraan dengan atau untuk manfaat pemiutang; atau

e) Jika apa-apa distres, pelaksanaan atau proses lain sebuah mahkamah berbidang kuasa kompeten dilevi ke atas atau dikeluarkan terhadap harta benda Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran dan proses sedemikian **TIDAK** dipenuhi atau ditarik balik dalam masa **tujuh (7)** hari daripadannya; atau

f) Jika Syarikat atau mana-mana pihak cagaran didakwa di bawah mana-mana undang-undang, menjalani hukuman tahanan, menjadi gila atau meninggal dunia; atau

g) Jika berlaku apa-apa perubahan material dalam keadaam kewangan Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran yang menurut pendapat munasabah HLB/HLISB berkemungkinan menjejaskan keupayaan Pelanggan atau pihak cagaran untuk melunaskan OD/Cashline dan faedah/keuntungan daripadanya; atau

h) Jika perubahan dalam undang-undang atau peraturan terpakai menjadikannya mustahil atau salah di sisi undang-undang bagi HLB/HLISB untuk berterusan menyediakan OD/Cashline kepada Pelanggan.

7.2. Selain daripada apa-apa peruntukan di dalam ini, HLB/HLISB boleh atas budi bicara mutlaknya menggantung OD/Cashline pada bila-bila masa setelah memberi notis awal sama ada suatu Peristiwa Keingkaran telah berlaku atau **TIDAK**.

8. Akaun Gantung

Apa-apa wang yang diterima boleh diletak dan disimpan dalam kredit akaun gantung selama masa HLB/HLISB fikir wajar tanpa obligasi buat masa ini untuk mengguna pakai wang tersebut atau bahagian wang itu bagi melunaskan apa-apa wang atau liabiliti yang Pelanggan kena bayar atau tanggung. Walau pun apa-apa bayaran dibuat berikutan sebarang prosiding kemuflisan, likuidasi, komposisi atau perkiraan namun HLB/HLISB boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima apa-apa dividen atau komposisi bagi keseluruhan atau bahagian wang dan liabiliti dengan cara yang sama seolah-olah cagaran ini telah **TIDAK** diwujudkan dan tiada wang atau dividen yang diterima oleh HLB/HLISB akan dianggap seakan-akan diterima, tetapi amaun penuh yang dicagarkan itu perlu dibayar oleh Pelanggan sehinggalah Bank telah menerima daripada semua sumber satu ratus sen dalam ringgit atas baki terakhir yang perlu anda lunaskan. Setelah HLB/HLISB menerima baki terakhir itu secara penuh, maka sebarang tuntutan di pihak Pelanggan terhadap sebarang lebihan atau sebarang cagaran berbaki dengan HLB/HLISB akan diselaraskan antara HLB/HLISB dengan Pelanggan dan mana-mana orang lain yang mempunyai tuntutan terhadapnya.

9. Pengelakan Bayaran Berlawanan

Tiada asurans, cagaran atau bayaran yang boleh dielakkan di bawah mana-mana undang-undang berkait dengan penggulungan atau ketaksolvenan dan tiada pelepasan, penyelesaian atau pembebasan yang diberi atau dibuat oleh HLB/HLISB dengan berpegang pada asurans, cagaran atau bayaran tersebut akan menjejaskan hak HLB / HLISB untuk mendapat balik daripada Pelanggan jumlah wang yang dengan ini dicagar sepenuhnya di bawah Terma dan Syarat ini. Sebarang pelepasan, penyelesaian atau pembebasan akan dianggap telah dibuat dengan bersyarat iaitu ia akan batal jika bayaran atau cagaran yang sebelum ini HLB/HLISB mungkin ada menerima atau kemudiannya menerima daripada mana-mana orang berkenaan jumlah wang yang dengan ini dipersetujui telah dibayar atau dibayar balik oleh Pelanggan diketepikan di bawah mana-mana undang-undang terpakai atau terbukti tak sah atas apa jua sebab.

10. Penguatkuasaan

Hak HLB/HLISB di bawah Terma & Syarat adalah sebagai tambahan dan **BUKAN** gantian kepada apa-apa hak atau cagaran lain yang HLB/HLISB mungkin peroleh daripada atau terhadap Pelanggan atau mana-mana orang lain dari segi undang-undang dan/atau ekuiti dan boleh

dikuatkuasakan selaras dengan Terma & Syarat ini tanpa terlebih dahulu berlindung kepada apa-apa hak atau cagaran lain dan tanpa mengambil apa-apa langkah atau prosiding terhadap mana-mana orang / cagaran lain.

11. Pengubahsuaian & Indulgen

Liabiliti Pelanggan dan mana-mana pihak cagaran dan hak-hak HLB/HLISB **TIDAK** terjejas oleh apa-apa yang dilakukan HLB/HLISB dan HLB/HLISB boleh pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa tanpa menjejaskan atau melepaskan Pelanggan atau mana-mana pihak cagaran:-

(a) menentukan, mengubah, menaikkan atau menyusun semula OD/Cashline atau had OD/Cashline dan boleh membuka dan/atau meneruskan apa-apa akaun dengan Pelanggan di mana-mana cawangan HLB/HLISB; atau
(b) memberi Pelanggan atau mana-mana orang lain apa-apa masa atau indulgen; atau
(c) menguruskan pelepasan, pertukaran atau mengubahsuai atau berkecuali menyempurnakan atau menguatkuasakan apa-apa cagaran atau jaminan atau hak lain yang HLB/HLISB mungkin sekarang atau pada bila-bila masa kemudian atau dari semasa ke semasa didapatinya daripada atau terhadap Pelanggan atau mana-mana orang lain; atau
(d) mengkompaun dengan Pelanggan atau mana-mana orang lain.

12. "Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") / Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 ("IFSA") dan Garis Panduan BNM mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkait ("Garis Panduan")

Untuk membolehkan HLB/HLISB mematuhi FSA/IFSA dan Garis Panduan tersebut, Pelanggan hendaklah membuat akuan kepada HLB/HLISB sama ada Pelanggan adalah satu pihak berkait menurut Garis Panduan, yang termasuk tetapi **TIDAK** terhad kepada, suami/isteri, anak, ibu/bapa atau tanggungan kewangan Pengarah, Pengarah Eksekutif atau pegawai kelulusan/penilaian/semakan kredit HLB/HLISB atau bagi seorang Pegawai Korporat/Perniagaan, termasuk entiti yang dikuasai individu-individu HLB/HLISB yang tersebut tadi. Jika pada bila-bila masa Pelanggan menjadi seorang yang berkait, maka Pelanggan mestilah memberitahu HLB/HLISB melalui surat dengan serta-merta. HLB/HLISB berhak menamatkan sebarang kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan dengan notis awal sekiranya Pelanggan gagal membuat akuan yang wajar atau betul, yang mengakibatkan HLB/HLISB melanggar FSA/IFSA atau Garis Panduan tersebut.

BAHAGIAN G – AKAUN SIMPANAN-i HLISB

1. Akaun Simpanan-i HLISB adalah untuk individu, pertubuhan, persatuan dan termasuk Milikan Tunggal untuk akaun Pay&Save-I Sahaja. Perkongsian tak diperbadankan, perkongsian liabiliti terhad, syarikat, organisasi dan badan berkanun **TIDAK** dibenarkan membuka Akaun Simpanan-i HLISB.

2. Akaun Simpanan-i HLISB menggunakan kontrak Syariah iaitu Tawarruq.

3. HLISB berhak menggunakan apa-apa kontrak lain pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa setelah memberi notis awal.

4. HLISB berhak mengguna atau melabur dana dalam apa jua cara yang dianggap wajar. Pelaburan sedemikian adalah selari dengan kehendak Syariah.

5. Tarikh pembayaran keuntungan adalah berdasarkan kekerapan pembayaran keuntungan bagi setiap produk sama ada setiap bulan atau setiap setengah tahun.

6. Semasa membuka Akaun Simpanan-i HLISB, pelanggan akan ditawarkan penyata akaun.

7. Penyata akaun simpanan-i akan dikeluarkan setiap bulan atau pada tempoh masa yang ditentukan oleh HLISB. Pelanggan mestilah memeriksa semua butiran dalam penyata akaun tersebut, atau dalam hal Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, memeriksa Penyata Akaun Online, dan segera melaporkan kepada HLISB apa-apa kesilapan yang didapati di dalamnya. Jika , dalam tempoh **empat belas (14)** hari (atau sebarang tempoh

lain yang ditentukan oleh HLISB dalam penyata/notis/Penyata Akaun Online) setelah menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata dalam Penyata Akaun Online, Pelanggan tidak membantah apa-apa butiran di dalamnya, Pelanggan akan dianggap bersetuju menerima butiran yang terdapat sehingga tarikh terakhir butiran di dalam penyata akaun/Penyata Akaun Online, seperti contoh Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, sebagai betul dan melepaskan HLISB daripada segala liabiliti.

8. Apa-apa bayaran yang dibuat oleh HLISB kepada seseorang yang menunjukkan buku akaun (jika buku akaun dikeluarkan) dan slip pengeluaran yang dikatakan telah ditandatangani oleh Pelanggan akan mempunyai kesan yang sama seolah-olah dibayar kepada Pelanggan sendiri dan melepaskan HLISB dan pekerjanya dari segala liabiliti terhadap Pelanggan atau sesiapa jua.

9. Semua transaksi berhubung dengan akaun Simpanan-i HLISB boleh dilakukan di mana-mana cawangan HLB/HLISB. Jika demikian, HLB/HLISB berhak untuk meminta tanda pengenalan tambahan.

10. Akaun Simpanan-i HLISB akan dianggap telah ditutup apabila Pelanggan mengeluarkan semua baki yang terdapat dalam akaun Simpanan-i HLISB.

BAHAGIAN H – AKAUN SEMASA-i HLISB

1. HLISB akan menerima jumlah wang yang didepositkan dan apa-apa jumlah wang yang kemudian didepositkan ke dalam Akaun Semasa-i HLISB, yang dikendalikan berlandaskan kontrak Tawarruq. HLISB berhak menggunakan apa-apa Kontrak lain pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa setelah memberi notis awal. Pelanggan akan memberi keizinan kepada HLISB untuk menguruskan keseluruhan atau sebahagian wang yang terdapat dalam Akaun dengan cara yang dianggap wajar oleh HLISB.

2. Permohonan buku cek hendaklah dibuat menggunakan borang yang ditetapkan oleh HLISB atau apa-apa kaedah lain yang ditetapkan oleh HLISB. Cek **TIDAK** boleh ditunaikan dari HLISB melainkan cek yang dibekalkan oleh HLISB yang mempunyai nombor Akaun Semasa-i. Pelanggan yang ingin mengeluarkan wang tunai boleh berbuat demikian setelah mendapat keizinan HLISB terlebih dahulu dengan menggunakan cek yang ditetapkan, slip pengeluaran yang ditetapkan atau apa-apa instrumen atau borang lain sebagaimana ditetapkan oleh HLISB.

3. Pelanggan hendaklah berhati-hati ketika menulis cek untuk mengelakkan penipuan. HLISB berhak untuk tidak melayan dan memulangkan cek jika tandatangan Pelanggan berbeza daripada contoh yang diberi kepada HLISB. Apa jua pindaan pada cek tidak dibenarkan. HLISB berhak untuk tidak melayan dan memulangkan cek yang menurut pendapat mutlak HLISB mempunyai sebarang bentuk pindaan (walaupun ada tandatangan balas Pelanggan/penyuruh bayar atau sebaliknya) atau HLISB mempunyai sebab untuk meragui kesahihan pengenalan atau kejelasan cap jari Pelanggan atau autoriti pada cek. Pelanggan **TIDAK** boleh menurunkan apa-apa cop getah/meterai pada cek kerana ini boleh mengakibatkan cek ditolak semasa proses penjelasan cek.

4.
   (a) Pelanggan hendaklah bertanggungjawab memastikan buku cek sentiasa disimpan di tempat berkunci. Pelanggan hendaklah segera memberitahu HLISB sekiranya buku cek atau helaian cek didapati hilang, lesap, kena curi atau musnah. HLISB TIDAK akan bertanggungan atau bertanggungjawab terhadap apa-apa kehilangan yang dialami Pelanggan jika disebabkankecuaian atau pengabaiannya seseorang yang tidak dibenarkan menjumpai buku cek atau helaian cek lalu dengan cara tipu mendapat bayaran dari jumlah wang kepunyaan Pelanggan.
   (b) HLISB boleh atas permintaan Pelanggan mengeluarkan buku cek setelah selesai membuat surat indemniti (tanggung rugi) dan bagi akaun bersama oleh semua Pelanggan bersama dan setelah menjelaskan caj perkhidmatan. Apabila sahaja buku cek baharu dikeluarkan, maka buku cek yang asal menjadi taksah dan jika dijumpai atau diperoleh kembali mestilah segera

dipulangkan kepada HLISB.

(c) Pelanggan mestilah memastikan kandungan buku cek itu betul sebelum meninggalkan premis HLISB. Jika tidak, HLISB akan terlepas daripada segala liabiliti.

5. Pelanggan hendaklah menggunakan borang yang ditetapkan oleh HLISB semasa mendepositkan cek dan wang, di mana berkenaan. Pelanggan mestilah menyemak dan memastikan kaunterfoil mempunyai pengendorsan oleh mesin teller HLB/HLISB atau oleh pegawai HLB/HLISB sebelum meninggalkan premis HLB/HLISB. Kaunterfoil hanyalah sah sebagai akuan penerimaan jika mempunyai pengendorsan. Jika tidak, HLISB akan terlepas daripada segala liabiliti.

6. Cek dan apa-apa instrumen kewangan lain yang dibayar ke dalam Akaun dan kemudiannya tidak layan boleh dipulangkan dengan tangan atau pos atau apa-apa cara lain yang ditentukan oleh HLISB menurut budi bicara mutlaknya kepada Pelanggan di alamat berdaftar yang terakhir dengan HLISB atas kos dan perbelanjaan Pelanggan dan atas risiko Pelanggan sendiri.

7. Pelanggan bersetuju dan berjanji membayar balik kepada HLISB, sebagai jbank pemungut dan akan membayar HLISB atas permintaan bertulis HLISB segala kerugian, kerosakan, kos dan caj yang ditanggung oleh HLISB kerana menjamin apa-apa pengendorsan atau pelepasan, pada mana-mana cek, bil, nota, draf, waran dividen atau apa-apa instrumen lain yang dikemukakan untuk pungutan dan setiap jaminan yang diberi oleh HLISB hendaklah dianggap telah diberi atas permintaan nyata Pelanggan dalam setiap kes.

8. Jika HLISB menerima atau menanggung liabiliti bagi atau atas permintaan Pelanggan, apa-apa dana atau cagaran dan benda berharga kepada Pelanggan yang disimpan dengan HLISB dan dalam tangan HLISB hendaklah secara automatik menjadi cagaran kepada HLISB dan HLISB akan berhak menahan dana tersebut atau apa-apa bahagiannya dan bahkan tidak melayan cek Pelanggan sehingga liabiliti diselesaikan.

9. HLISB hanya akan menahan bayaran atas apa-apa cek yang dikeluarkan setelah menerima arahan daripada Pelanggan sama ada secara bertulis atau menerusi apa-apa perkhidmatan lain yang disediakan oleh HLISB dan HLISB **TIDAK** akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kelalaian Pelanggan. HLISB dibenarkan untuk melayan dan mematuhi semua cek, draf, perintah untuk bayar, bil pertukaran dan nota janji hutang yang diungkapkan untuk dikeluarkan, ditandatangani, diterima, disokong atau dibuat bagi pihak Pelanggan sama ada Akaun dalam keadaan kredit atau debit atau menjadi terlebih keluar akibat daripadanya atau sebaliknya. Jika kedudukan debit atau terlebih keluar yang tidak diatur terjadi, maka Pelanggan akan bertanggungjawab terhadap semua jumlah tersebut.

10. Caj perkhidmatan atas Akaun dan keuntungan atas baki kredit akan dikira menurut peraturan AIBIM atau HLISB, jika berkenaan.

11. Tarikh pembayaran keuntungan adalah berdasarkan kekerapan pembayaran keuntungan bagi setiap produk sama ada setiap hari atau setiap bulan.

12. Penyata bagi Akaun Semasa-i akan dikeluarkan sebulan sekali atau pada tempoh masa yang ditentukan oleh HLISB. Pelanggan mestilah memeriksa semua butiran dalam penyata akaun tersebut, atau dalam hal Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, memeriksa Penyata Akaun Online, dan segera melaporkan kepada HLISB sebarang kesilapan di dalamnya. Jika dalam masa **empat belas (14)** hari (atau tempoh masa lain yang ditentukan oleh HLISB dalam penyata/notis/Penyata Akaun Online) selepas menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata bagi Penyata Akaun Online, Pelanggan tidak membantah apa-apa butiran di dalam ini maka Pelanggan akan dianggap bersetuju menerima butiran yang dikemas sehingga tarikh catatan/entri akhir dalam penyata akaun / Penyata Akaun Online, seperti contoh Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, sebagai betul dan melepaskan HLISB daripada segala liabiliti.

13. Dalam semua hal, satu penyata baki berakhir pada 30 Jun dan 31 Disember atau pada tempoh masa/tarikh yang ditentukan oleh HLISB akan dihantar kepada Pelanggan yang diminta

membuat pengesahan dengan mengembalikan slip pengesahan yang telah ditandatangani untuk tujuan audit. Sekiranya tiada apa-apa bantahan terhadap penyata itu dalam tempoh **empat belas (14)** hari (atau apa-apa tempoh masa lain yang ditentukan oleh HLISB dalam penyata atau notis) setelah diterima oleh Pelanggan, maka Akaun akan dianggap telah mendapat pengesahan.

BAHAGIAN I – AKAUN DEPOSIT TETAP-i (FD-i) HLISB

1. Akaun ini ialah akaun deposit tetap atau akaun berjangka berasaskan kontrak Syariah Tawarruq.

2. Sebarang peletakan yang dibuat di bawah FD-i hendaklah dalam Ringgit Malaysia (**"RM"**) dan jumlah minimum yang ditetapkan bagi tempoh peletakan ditentukan oleh HLISB dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu.

3. Butiran peletakan deposit hendaklah berkuat kuasa pada tarikh peletakan deposit dilaksanakan.

4. Bagi pelanggan individu, tiada makluman peletakan/pembaharuan yang bercetak akan dihantar kepada Pelanggan untuk peletakan/pembaharuan FD-i. Makluman peletakan/pembaharuan fizikal boleh didapati dengan membuat permintaan di mana-mana cawangan HLISB/HLB atau dengan cara yang ditentukan oleh HLISB.

5. Bagi pelanggan bukan individu dan selain Milikan tunggal, makluman peletakan/ pembaharuan akan dihantar kepada Pelanggan pada Hari Perniagaan yang berikutnya.

   Untuk mengelakkan keraguan, “pelanggan bukan individu” merujuk kepada persatuan, kelab sekolah, pertubuhan, organisasi bukan keuntungan, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad, dan pengamal profesional, yang didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, syarikat dan badan-badan korporat.

6. Penyata akaun FD-i akan dikeluarkan setiap bulan dan/atau suku tahunan atau pada tempoh masa tertentu dan boleh dikeluarkan secara elektronik atau melalui apa-apa cara yang ditentukan oleh HLISB. Pelanggan mestilah memeriksa segala butiran dalam penyata akaun, atau dalam hal Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, Penyata Akaun Online, dan segera melaporkan kepada HLISB jika ada apa-apa kesilapan atau percanggahan di dalamnya. Jika Pelanggan tidak, dalam masa **empat belas (14) hari** (atau tempoh masa lain yang dinyatakan oleh HLB dalam penyata akaun/notis/Penyata Akaun Online) setelah menerima penyata akaun atau dari Tarikh Penyata dalam Penyata Akaun Online, membantah apa-apa catatan/entri di dalamnya, maka Pelanggan akan dianggap telah menerima catatan/entri yang dibuat sehingga tarikh catatan/entri akhir dalam penyata akaun/Penyata Akaun Online, seperti contoh Hong Leong Online bagi Pelanggan Persendirian atau Perniagaan, sebagai betul dan membebaskan HLISB daripada segala liabiliti.

7. Pelanggan dikehendaki mendaftar untuk Kemudahan e-Penyata melalui HLB Connect atau di mana-mana cawangan HLISB/HLB untuk menerima e-Penyata.

8. Tempoh peletakan FD-i adalah antara **satu (1)** bulan hingga **enam puluh (60)** bulan sebagaimana yang dipilih oleh Pelanggan. Penerimaan dan/atau pembaharuan peletakan tersebut, tempoh dan kadar yang diberi untuk FD-i adalah tertakluk pada budi bicara mutlak HLISB sepenuhnya. Apabila peletakan dilakukan dengan menggunakan cek, ia akan tertakluk pada penjelasan cek tersebut.

9. Jumlah peletakan minimum FD-i adalah **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** untuk tempoh **satu (1)** bulan atau **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** untuk tempoh **dua (2)** bulan atau lebih.

10. Kadar keuntungan FD-i akan ditentukan oleh HLISB dari semasa ke semasa. Kadar keuntungan boleh didapati di cawangan HLISB/HLB atau boleh diakses di www.hlisb.com.my (“Laman Sesawang HLISB”. Sebarang perubahan kadar keuntungan akan dipaparkan di cawangan HLISB/HLB atau Laman Sesawang HLISB atau kaedah lain yang dianggap sesuai oleh HLISB

dan ia hanya terpakai untuk peletakan baharu.

11. Berkuatkuasa dari 12 Jun 2021 **("Tarikh Berkuatkuasa")**, tiada lagi pengkreditan keuntungan secara interim iaitu setiap bulan atau setiap enam bulan **("Peraturan Baharu")**.

- Untuk semua FD-i yang baharu, Pelanggan boleh memilih untuk mendapatkan keuntungan sama ada:
  (a) dikreditkan ke dalam Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB ("CASA/CASA-i") di bawah nama yang sama dan syarat tandatangan yang sama dengan Akaun FD-i hanya pada tarikh matang FD-i tersebut; atau
  (b) ditambah pada amaun prinsipal FD-i pada tarikh matang.

- Untuk FD-i yang dibuka sebelum Tarikh Berkuatkuasa, keuntungan yang diperoleh akan terus dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i pada setiap bulan atau enam bulan sehingga tarikh matang FD-i tersebut**. Sekiranya FD-i diperbaharui, sama ada secara manual atau secara automatik pada tarikh matang, Peraturan Baharu akan terpakai.

  (** Sekiranya FD-i atau baki yang terdapat dalam FD-i sedia ada dan berterusan dikeluarkan sepenuhnya sebelum tempoh matang masing-masing atau tempoh minimum seperti yang ditentukan oleh HLISB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari, HLISB berhak untuk menolak atau mendebit Akaun FD-i Pelanggan bagi semua keuntungan bulanan terakru yang dibayar, termasuk tetapi tidak terhad kepada semua keuntungan yang dibayar ke atas pengeluaran sebahagian terdahulu.)

  Ilustrasi:
  Peletakan FD-i untuk tempoh 12 bulan dengan tarikh matang pada 31 Julai 2022, akan menikmati pengkreditan keuntungan setiap bulan. Setelah matang, FD-i tersebut akan diperbaharui selama 12 bulan lagi. Keuntungan yang diperolehi dari FD-i yang diperbaharui tersebut hanya akan dibayar pada akhir tempoh 12 bulan iaitu pada 31 Julai 2023.

12. Pengeluaran sebahagian dibenarkan dengan jumlah minimum **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** dan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)**. Ia tertakluk pada baki minimum **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** bagi tempoh FD-i 1 bulan atau **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** bagi tempoh FD-i 2 bulan ke atas sahaja dikekalkan dalam FD-i.

13. Tiada keuntungan akan dibayar ke atas pengeluaran sebahagian dan pengeluaran pramatang FD-i, tanpa mengira jumlah bulan yang telah lengkap ketika pengeluaran tersebut.

14. Sekiranya keuntungan telah dibayar kepada Pelanggan sebelum tarikh matang dan Pelanggan melakukan pengeluaran FD-i pramatang, HLISB berhak untuk menolak keuntungan yang telah dibayar dari jumlah prinsipal FD-i selepas pengeluaran tersebut.

15. Sekiranya Pelanggan mengeluarkan semua atau sebahagian daripada FD-i sebelum tarikh matang, Pelanggan memberikan rebat kepada HLISB untuk menuntut Harga Jualan sepenuhnya.

16. Apabila membuat pengeluaran daripada akaun FD-i di mana-mana cawangan HLISB/HLB, Pelanggan perlu mengemukakan bersama MyKad dan/atau dokumen pengenalan lain untuk pengesahan identiti.

17. Pelanggan bersetuju bahawa tempoh untuk FD-i akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh pegangan yang sama pada tarikh matang berdasarkan kadar semasa apabila pembaharuan dibuat, melainkan jika arahan bertulis daripada Pelanggan diterima oleh HLISB sebelum/pada tarikh matang. Pelanggan boleh melayari Laman Sesawang HLISB untuk menyemak kadar semasa terkini.

BAHAGIAN J – AKAUN SIMPANAN JUNIOR/-i HONG LEONG

1. Mulai 11 Mei 2024, Akaun Simpanan Junior/-i tidak lagi ditawarkan kepada Pelanggan baharu. Pelanggan sedia ada tidak terjejas dan akan terus menikmati kadar faedah dan faedah produk seperti sedia ada.

2. Terma dan syarat Akaun Simpanan Junior/-i boleh didapati di sini:
   - Akaun Simpanan Junior Konvensional
   - Akaun Simpanan Junior-i HLISB

Ahli PIDM. Akaun Deposit/-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.
Bagi mengelakkan sebarang keraguan, Overdraf dan Cashline adalah kemudahan kredit dan tidak dilindungi oleh PIDM.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Terma dan Syarat dan/atau memerlukan Salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Inggeris, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-76268899.